



DR. 18 TAHUN 2017
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA




LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGURUSAN PROJEK-PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN AGAMA DAN KEMUDAHAN LAIN YANG BERKAITAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PROJEK-PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA DAN KEMUDAHAN LAIN YANG BERKAITAN DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)	1-13
2	RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA	14-15
3	AGENDA MESYUARAT	
4	LAPORAN PROSIDING	
5	DOKUMEN PEMBENTANGAN	



**LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PROJEK-PROJEK
PEMBINAAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA DAN
KEMUDAHAN LAIN YANG BERKAITAN DI BAWAH KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

1. PENDAHULUAN

Pengurusan Projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah sebahagian daripada penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 3 (Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan) yang dibentangkan di Parlimen pada 23 November 2015.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 18 April 2017 iaitu dalam prosiding Bilangan 09/2017.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan JAN berhubung Pengurusan Projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada pengurusan pembinaan SMKA dilaksanakan dengan teratur dan mencapai objektif yang ditetapkan.

3. SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. Menjemput Ketua Audit Negara yang diwakili oleh Pengarah (Prestasi) JAN bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan;
- ii. Memanggil yang terlibat dalam Pengurusan Projek-Projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan iaitu Ketua Setiausaha (KSU) KPM untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan
- iii. Menjemput wakil dari agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

4. LATAR BELAKANG PENGURUSAN PROJEK-PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA DAN KEMUDAHAN LAIN YANG BERKAITAN

4.1 Penubuhan SMKA bermula pada tahun 1977 dengan pengambilalihan 11 buah Sekolah Agama Negeri dan Rakyat dan sehingga Disember 2014 telah meningkat kepada 55 buah.

Pengurusan SMKA adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Pendidikan Islam KPM.

Sejumlah RM455.61 juta telah diluluskan di bawah RMKe-9 dan RMKe-10 bagi membina tujuh (7) buah SMKA baharu dan satu blok gantian bagi SMKA Al-Mashoor (P), Pulau Pinang. Butiran lanjut pembinaan SMKA adalah seperti berikut:

SMKA	JENIS PEMBINAAN	KOS PROJEK DILULUSKAN (RM Juta)
Pagoh, Johor	Baru	75.00
Haji Mohd Yasin, Johor	Baru	50.51
Kuala Lipis, Pahang	Baru	75.00
Putrajaya, Putrajaya	Baru	50.34
Keningau, Sabah	Baru	69.73
Tun Said, Sabah	Baru	18.52
Sheikh Hj Othman Abdul Wahab, Sarawak	Baru	73.32
Al-Mashoor(P), Pulau Pinang	Blok Gantian	43.19
JUMLAH		455.61

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara tahun 2014 Siri 3

4.2 Pelantikan kontraktor bagi projek pembinaan SMKA dibuat secara rundingan terus atau tender terhad. Setiap projek dipantau oleh perunding yang terdiri daripada Perunding Arkitek, Jurutera Mekanikal dan Elektrik (M&E), Jurutera Awam dan Struktur (C&S) dan Juruukur Bahan (QS). Projek pembinaan SMKA ini juga melibatkan pembekalan perabot serta peralatan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran seperti pembekalan *loose furniture*, peralatan sukan, makmal dan bengkel.

5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN PAC PARLIMEN

Sesi prosiding dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh Pengarah (Prestasi) JAN kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu KSU KPM memberikan keterangan di hadapan PAC Parlimen. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

5.1. Penjelasan Awal Pengarah (Prestasi) JAN Persekutuan

Pengarah (Prestasi) JAN memaklumkan bahawa perbincangan akan difokuskan kepada SMKA(P) Al-Mashoor, Pulau Pinang, SMKA Keningau dan SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahad (SHOAW), Sarawak.

Secara keseluruhannya, Pengurusan Projek-Projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan adalah kurang memuaskan dan terdapat 10 isu yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

a) **Surat Setuju Terima (SST) lewat dikeluarkan.**

Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 26 Mac 2008 menetapkan SST hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor dalam tempoh satu hari selepas kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia diperolehi. SST bagi SMKA SHOAW dan SMKA Keningau lewat dikeluarkan selama 34 hingga 90 hari;

b) **Kontrak Lewat Ditandatangani.**

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh SST dikeluarkan. Kontrak bagi SMKA (P) Al Mashoor dan SMKA Keningau lewat ditandatangani antara 113 dan 209 hari;

c) **Lukisan Siap Kerja (As-Built Drawing) Lewat Dikeluarkan.**

Mengikut dokumen kontrak, Lukisan berkenaan perlu dikemukakan oleh kontraktor dalam tempoh 30 hari dari tarikh Perakuan Siap Kerja (CPC). Lukisan berkenaan bagi SMKA (P) Al Mashoor dan SMKA Keningau lewat dikemukakan antara 109 dan 559 hari;

d) **Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Praktikal/Tidak Sesuai.**

Longkang di dataran perhimpunan SMKA SHOAW tiada penutup dan bumbung koridor di SMKA Keningau tidak menutupi keseluruhan koridor;

e) **Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan.**

Lantai retak, berlubang dan lepaan simen tidak mampat di bilik darjah SMKA SHOAW. Kebocoran dan resapan air di siling pusat sumber SMKA SHOAW. Siling berkulat kerana resapan air di blok bilik darjah SMKA Keningau;

f) **Kerja/Peralatan Yang Dilaksanakan/Dibekalkan Tidak Mengikut Lukisan Kontrak/Spesifikasi Yang Ditetapkan.**

Terdapat kerja binaan dan perbekalan di ketiga-tiga SMKA tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan tiada Arahan Perubahan Kerja (APK) terhadap penyimpangan tersebut;

g) **Cat Luntur Di Bahagian Luar Dinding dan Bumbung Bangunan SMKA SHOAW.**

Cat dinding dan bumbung sudah pudar semasa lawatan Jabatan Audit Negara pada 3 hingga 5 Mac 2015 sedangkan cat bagi dinding masih dalam tempoh waranti selama enam (6) tahun bermula daripada 15 November 2013 hingga 14 November 2019. Manakala waranti bagi cat bumbung pula adalah selama lima (5) tahun;

h) **Pemasangan Lif Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak Di SMKA(P) Al-Mashoor.**

Saiz sesalur lif (lift shaft) di blok akademik tidak memenuhi ketegakan (verticality) yang diperlukan atau

lebih kecil berbanding saiz yang ditetapkan dalam kontrak. Ukuran minimum sesalur lif yang berbeza dengan ukuran minimum yang diperlukan menyebabkan 4 buah lif di blok akademik bernilai RM0.84 juta tidak dapat dipasang;

i) **Kerosakan Atau Kecacatan Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) Belum Diambil Tindakan.**

Lawatan Audit pada 3 hingga 5 Mac 2015 mendapati kecacatan dan kerosakan yang dilaporkan dalam tempoh DLP masih belum diselesaikan walaupun tempoh DLP bagi SMKA SHOAW telah tamat pada 14 November 2014;

j) **Pengurusan Bayaran Tidak Teratur.**

Bayaran sebanyak RM279,069.84 melalui empat (4) baucar bayaran telah dibuat tanpa disertakan dengan Sijil Pemasangan dan Pengujian bagi membuktikan penyempurnaan pembekalan peralatan;

k) **Peralatan Dan Kemudahan Tidak Digunakan.**

Peralatan dan kemudahan yang termasuk dalam nilai kontrak tidak digunakan secara optimum. 19 unit peralatan termasuk peralatan dapur memasak bernilai RM134,980 di SMKA Keningau dan SMKA SHOAW belum digunakan sehingga lawatan JAN kerana kontraktor dewan makan menggunakan peralatan sendiri.

5.2. Keterangan KSU KPM

KSU KPM memaklumkan LKAN telah membangkitkan 24 isu yang melibatkan Pengurusan Pembinaan SMKA(P) Al-Mashoor, SMKA Keningau dan SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab (SHOAW).

Bagaimanapun, 23 daripadanya telah dapat diselesaikan seperti yang dilaporkan dalam *AG DashBoard*. Isu yang masih dalam tindakan adalah kemudahan makmal komputer, makmal sains, bilik kerja, bilik masak, bilik sukan dan bilik muzik di SMKA Keningau yang tidak digunakan sejak sekolah berkenaan mula beroperasi kerana tiada peralatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) disediakan.

5.3 Maklumbalas KPM

5.3.1 Kemudahan Makmal Tidak Digunakan

KSU KPM memaklumkan KPM sedang melaksanakan perolehan peralatan bagi membolehkan kemudahan seperti makmal komputer dan lain-lain makmal boleh diguna pakai.

5.3.2 Kemudahan Peralatan Dapur Tidak Digunakan.

Manakala bagi peralatan memasak di SMKA Keningau dan SMKA SHOAW, pihak sekolah telah mengarahkan pembekal makanan menggunakan segala peralatan yang dibekalkan melalui kontrak. Sebelum ini pembekal makanan telah menggunakan peralatan mereka sendiri.

5.3.3 Kelewatan Menyiapkan SMKA (P) Al-Mashoor

Projek ini telah diberikan Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) sebanyak 4 kali dengan keseluruhan tambahan masa selama 956 hari. Kelewatan ini disebabkan oleh arahan memberhentikan kerja oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang kerana permohonan Kebenaran Merancang (KM) dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) belum diluluskan. Kelulusan KM lewat diperolehi disebabkan terdapat Bangunan Warisan di sebahagian tapak projek sedangkan kontraktor telah dilantik, tapak telah diserahkan kepada kontraktor dan sebahagian kerja telah dimulakan. Penambahbaikan yang telah dibuat adalah dengan memastikan panggilan tender hanya dibuat setelah Kebenaran Merancang (KM) diluluskan oleh PBT.

5.3.4 Kelewatan Mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST)

KPM mengakui berlaku kelewatan dalam mengeluarkan SST bagi SMKA Keningau dan SMKA SHOAW akibat berlaku pertukaran pegawai pada masa berkenaan. Langkah pembaikan telah diambil dengan meminda Manual Prosedur Kerja (SOP) yang memberi tanggungjawab menguruskan SST kepada satu Unit di Bahagian Pembangunan Pelajaran.

5.3.5 Kelewatan Menandatangani Kontrak

KPM memaklumkan kelewatan bagi projek SKMA(P) Al-Mashoor dan SMKA SHOAW adalah disebabkan kontraktor lewat memproses Pelarasan Harga dan Kadar Harga Kontrak. Manakala kelewatan di SMKA Keningau disebabkan oleh pindaan terhadap lukisan pembinaan. Langkah pembaikan

supaya isu yang sama tidak berulang, KPM telah mengarahkan semua perunding mematuhi Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.

5.3.6 Lukisan Siap Kerja (As-Built Drawing) Lewat Dikeluarkan

KPM memaklumkan lukisan berkenaan telah pun dikemukakan kepada Kementerian pada tarikh-tarikh berikut:

- | | | | |
|-------|--------------------|---|--------------|
| (i) | SMKA(P) Al-Mashoor | - | 25 Mei 2015 |
| (ii) | SMKA SHOAW | - | 18 Dis 2015 |
| (iii) | SMKA Keningau | - | 12 Ogos 2015 |

5.3.7 Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Praktikal/Tidak Sesuai

KPM memaklumkan kerja-kerja pemasangan penutup longkang dan pembaikan bumbung di SMKA SHOAW dan SMKA Keningau telah diselesaikan pada 31 Dis 2015.

5.3.8 Kerja Pembinaan Tidak Dilaksanakan Dengan Memuaskan

KPM memaklumkan semua kerja pembaikan terhadap kerja-kerja yang tidak memuaskan telah dilaksanakan di ketiga-tiga SMKA berkenaan.

5.3.9 Kerja Binaan Dan Pembekalan Peralatan Tidak Mengikut Spesifikasi

KPM memaklumkan semua pembaikan kerja/pembekalan bagi memenuhi spesifikasi telah selesai dilaksanakan.

5.3.10 Cat Dinding Dan Bumbung Luntur

KPM memaklumkan kerja-kerja mengecat semula dinding bangunan dan bumbung SMKA SHOAW yang luntur telah selesai dilaksanakan pada Disember 2015.

5.3.11 Saiz Sesalur Lif (Lift Shaft)

KPM memaklumkan pihak-pihak yang bertanggungjawab terhadap kesilapan tersebut telah dikenakan tindakan punitif dan mereka perlu berkongsi menanggung kos pembaikan sebanyak RM280,000 mengikut pecahan seperti berikut:

(i)	Kontraktor	-	50%
(ii)	Pembekal	-	25%
(iii)	Perunding C&S	-	10%
(iv)	Perunding M&E	-	10%
(v)	Perunding Arkitek	-	5%

Di samping itu, Pelarasan Harga Kontrak (PHK) bagi pengurangan kos sebanyak RM186,000 juga telah dibuat terhadap kontrak ini kerana pengurangan saiz lif dari membawa penumpang 15 orang kepada 10 orang sahaja.

5.3.12 Kelewatan Membaiki Kecacatan.

KPM memaklumkan semua kecacatan yang dilaporkan semasa dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) telah disiapkan sepenuhnya pada bulan Disember 2015.

5.3.13 Pengawalan Perkhidmatan Perunding.

KPM mengakui terdapat kelemahan dalam perkhidmatan yang diberikan oleh perunding dalam penyediaan reka bentuk pembinaan atau perabot hingga menyebabkan reka bentuk yang tidak praktikal dan tidak sesuai telah disediakan. KPM memaklumkan bahawa Kementerian telah mula melaksanakan penggunaan *Consultancy Services Agreement* (CSA) yang mengandungi klausa bagi mengambil tindakan punitif terhadap kelemahan perunding bagi menggantikan *Memorandum of Agreement* (MoA) semenjak 10 Jun 2014.

5.3.14 Peralatan Memasak Belum Digunakan

KPM memaklumkan peralatan memasak berkenaan di SMKA Keningau dan SMKA SHOAW telah pun digunakan. Sebagai langkah pembaikan, KPM telah memasukkan syarat “wajib menggunakan peralatan memasak yang disediakan oleh pihak sekolah kepada katerer” dalam spesifikasi tender pembekalan makanan bermasak.

5.3.15 Pemantauan Projek

KPM telah mula mengetatkan pemantauan terhadap projek pembinaan melalui mekanisme seperti berikut:

- (i) Mesyuarat tapak;
- (ii) Mesyuarat teknikal perunding dan klien;
- (iii) Mesyuarat penyelarasan projek;
- (iv) Mesyuarat pemantauan projek lewat jadual;
- (v) Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian;
- (vi) Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit;

- (vii) Lawatan turun padang; dan
- (viii) Penguatkuasaan klausa kontrak dan *Consultancy Service Agreement* (CSA) terhadap perunding.

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 9/2017 pada Selasa 18 April 2017**

6. RUMUSAN PAC PARLIMEN

PAC Parlimen berpendapat projek pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang dilaksanakan secara rundingan terus atau tender terhad dan dipantau oleh juruperunding menghadapi banyak masalah.

Juruperunding gagal memastikan kontraktor mematuhi reka bentuk yang disediakan seperti dalam kes sesalur lif tidak mengikut saiz. Syarikat juruperunding juga tidak mempunyai kakitangan yang berpengalaman di tapak projek bagi tujuan pemantauan menyebabkan banyak kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi.

7. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang dan memastikan masalah yang sama tidak berulang, PAC Parlimen mengesyorkan perkara-perkara berikut:

- 7.1 Pemilihan kontraktor bagi melaksanakan projek-projek Kerajaan perlu dibuat secara tender terbuka dan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya;
- 7.2 Panggilan tender dilakukan hanya setelah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengelakkan masalah di tapak;
- 7.3 Tindakan lebih tegas perlu diambil terhadap kontraktor, juruperunding dan pembekal sekiranya mereka gagal untuk

membekal atau memasang komponen projek terutama komponen yang memberi kesan terhadap kefungisian (*functionality*) projek berkenaan.

- 7.4 Menyenaraihitamkan kontraktor dan juruperunding yang gagal melaksanakan projek seperti dalam tender sebagai pengajaran kepada kontraktor-kontraktor lain.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

**AGENDA MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 9/2017 pada Selasa 18 April 2017**

LAMPIRAN A

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL. 9/2017 PADA SELASA 18 APRIL 2017
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
18 April 2017 (Selasa) 10.30 pagi	Pengurusan Projek-projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan	Kementerian Pendidikan

LAPORAN PROSIDING

❖ **Bilangan 9/2017 pada Selasa 18 April 2017**

Bil. 9

**Selasa
18 April 2017**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

**Pengurusan Projek-projek Pembinaan Sekolah Menengah
Kebangsaan Agama Dan Kemudahan Lain
Yang Berkaitan**

- **Kementerian Pendidikan Malaysia**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 18 APRIL 2017**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] - *Pengerusi*
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]
YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Datuk Juhari bin Haron [Pengarah Sektor Audit Prestasi (Bahagian I)]
Puan Nooranita binti Dain [Timbalan Pengarah Sektor Audit Prestasi (Cawangan Audit Kementerian Pendidikan, Bahagian II)]
Puan Siti Rohani binti Hussein [Sektor Audit Prestasi (Cawangan Audit Kementerian Pendidikan, Bahagian II)]

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)**Kementerian Kewangan Malaysia (M0F)**

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat dan Komunikasi)]
Encik Azize Taib [Ketua Seksyen (Parlimen dan Kabinet)]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Rohafiza binti Abd. Razak [KPP(K)A4]

Unit Perancang Ekonomi (UPE)

Encik Johan Mahmood Merican [Timbalan Ketua Pengarah (Modal Insan)]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

YBhg. Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad [Ketua Setiausaha]
YBhg. Datuk Seri Azmi bin Lateh [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pelajaran)]
YBhg. Dato' Khalid bin Abu Bakar [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Pelajaran)]
Puan Salmah binti Ahmad [Timbalan Setiausaha Bahagian Kanan (Bahagian Pembangunan Pelajaran)]
Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob [Timbalan Setiausaha Bahagian (Cawangan Teknikal)]
Encik Abdul Halim bin Abang Naili [Ketua Cawangan Pembangunan (Seksyen Pendidikan Sarawak)]
Encik Mohd Fareed Lim bin Abdullah [Ketua Cawangan Pembangunan (Seksyen Pendidikan Sabah)]
Puan Annie @ Sabrina binti Lasumin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Seksyen Menengah)]
Puan Wee Swee Geok [Setiausaha Bahagian (Bahagian Audit Dalam)]
Encik Noriqram bin Mohd Nor [Pegawai Khas Ketua Setiausaha Negara]
Encik Kamarudin Abdullah [Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset – Am)]
Tuan Haji Mohd Haliza bin Mohd Adnan [Timbalan Pengarah Pembangunan Pendidikan Bestari (Bahagian Teknologi Pendidikan)]
Encik Al'azharino bin Ahmad [Jurutera Mekanikal (Seksyen Mekanikal)]
Puan Noraisah Naim [Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Khidmat Pengurusan)]
Cik Fariah Zambery [Penolong Setiausaha (Seksyen Khidmat Pengurusan)]
Puan Haliza @ Mastura binti Ismail [Penolong Pegawai Tadbir (Seksyen Khidmat Pengurusan)]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA****Selasa, 18 April 2017****Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.36 pagi***[Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen iaitu Dr. Tan Seng Giaw, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berbahagia Datuk Juhari bin Haron (Pengarah Sektor Audit Prestasi I, Jabatan Audit Negara) dan pegawai-pegawai Jabatan Audit Negara, seterusnya pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan, JPA dan EPU.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dapat hadir pada pagi ini. Kita akan bermesyuarat dua hari, hari ini dan esok. Hari ini kita akan mengadakan mesyuarat prosiding membabitkan isu di bawah Kementerian Pendidikan, isu pengurusan projek-projek pembinaan sekolah menengah kebangsaan agama dan kemudahan yang lain yang berkaitan.

Dahulu kita membatalkan prosiding itu kerana Ketua Setiausaha, Yang Berbahagia Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad tidak dapat hadir. Jadi, hari ini kita meneruskan prosiding tersebut dan sedikit latar belakang pengurusan sekolah menengah kebangsaan agama adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh, sejumlah RM455.6 juta telah diluluskan bagi membina tujuh sekolah menengah agama. Jadi, Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan pada 2013 hingga 2015 meliputi objektif projek, kaedah perolehan, pematuhan kepada syarat kontrak, kualiti binaan dan spesifikasi kerja berkaitan serta penggunaan kemudahan dan peralatan yang disediakan.

Bagi tujuan ini, JAN telah mengadakan semakan, telah dijalankan di Bahagian Pembangunan Pelajaran kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri serta tiga buah SMKA iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (P) Al-Mashoor Pulau Pinang, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Sarawak dan SMKA Keningau, Sabah. Jadi tanpa membuang masa, saya mempersilakanlah Jabatan Audit Negara memberi taklimat sebelum kita memanggil mereka yang berkenaan. Silakan.

Datuk Juhari bin Haron [Pengarah Sektor Audit Prestasi (Bahagian I), Jabatan Audit Negara]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara atau PAC. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia negaraku, tanah tumpah darahku...

Tuan Pengerusi: Negaraku Malaysia.

Datuk Juhari bin Haron: Negaraku Malaysia, tanah tumpah darahku. Itu dia punya ekspresi negaraku. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■1040

Hari ini kita akan bentangkan tiga sekolah yang disebutkan oleh Tuan Pengerusi iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Al-Mashoor, Pulau Pinang, Sekolah Menengah Kebangsaan Keningau, Sabah dan juga Sekolah Menengah Kebangsaan Agama SHOAW iaitu 'Sheikh Haji Othman Abdul Wahab', Sarawak. Pulau Pinang dengan Sarawak ini kedua-dua itu anak saya lahir daripada sekolah agama yang inilah, Pulau Pinang dengan Sarawak- seorang jadi ustazah, seorang di Perodua.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Juhari bin Haron: Bapa Francis Light, Pulau Pinang *[Ketawa]*

Okey, kita telah menjalankan pengauditan daripada skop perolehan. Untuk maklumat bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Al-Mashoor, Pulau Pinang telah dibuat secara tender terhad, semuanya RM43.85 juta. Ini gantian. Manakala Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, *direct nego*, sekolah baru, RM61.12 juta dan juga Sekolah Menengah Kebangsaan Keningau, Sabah, *direct nego* juga RM69.10 juta... *[Pembentangan merujuk kepada paparan slide]*

Jadi daripada slaid itu yang ini keseluruhan ya tapi kita ke *next slide*. Objektif saya rasa kita sudah semak, pergi ke penemuan audit.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ini semua *direct nego*?

Datuk Juhari bin Haron: *Direct nego* dua, tender terhad satu iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Al-Mashoor yang kita semak ini. Akan tetapi keseluruhannya dia tender terhad, *direct nego* itu sahaja. Kemungkinan daripada tujuh itu yang masih dalam pembinaan dan juga pra bina semoga Kementerian Pendidikan dapat pelajaran daripada tiga sekolah yang kita buat auditan. Kita terus ke ringkasan penemuan audit yang dibangkitkan. Ketiga-tiga sekolah ini sudah siap, semuanya sudah siap, Sekolah Menengah Kebangsaan Al-Mashoor Pulau Pinang siap mengikut tempoh, Sekolah Menengah Kebangsaan Keningau pun siap sebelum tempoh, bagus, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab dia ada kelewatan 307 hari. Walau bagaimanapun dari segi dua sekolah itu, Al-Mashoor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Keningau itu isu lain ya, bukan isu kelewatan.

So dalam hal ini kita tengok antara perkara yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit iaitu surat setuju terima pertama. Ini pun supaya mereka dapat pelajaran supaya surat setuju terima *once* dia bersetuju dia kena keluarkan surat setuju terima dalam tempoh segeralah.

Kemudian satu lagi yang ini dia lewat 34-11 dia pergi. Ini *administrative* lah, tapi mereka- *next*, nombor dua. Kontrak pun lewat dia mesti dalam tempoh empat bulan selepas surat setuju terima ditandatangani. Kontrak mesti di tandatangan tetapi lewat antara 113 hari hingga 209 hari. So yang ini

saya ingat KPM ada secara pentadbiran kena ambil tindakan. Saya rasa ini pun standard bagi semua jabatan atau kementerian. Ini pun berulang antara isu berulang yang tak pernah orang kata tertinggal pun. Setiap projek yang kita buat dua isu itu yang terlalu tertinggal iaitu kontrak lewat ditandatangani. SST ini jarang kita jumpa, lewat tandatangani tetapi yang ini kita terjumpa bagi Sekolah Al-Mashoor dan Keningau.

Seterusnya kita tengok- *next* iaitu *as-built drawing* ini lewat dikemukakan kepada kementerian antara 109 hari daripada kontraktor dan 559 hari kepada kementerian ya. Manakala sehingga 31 Mei 2015 kita dapati *as-built drawing* masih belum dikemukakan sehingga kini, ini satu lagi. Bila dia siap dia kena kemukakan sebab kalau ada apa-apa berlaku dalam tempoh tersebut kita dapat *rectify* daripada *as-built drawing* disimpan di peringkat kementerian. So satu telah dikemukakan tetapi satu tidak pasti yang Sekolah Al-Mashoor itu.

Next kita pergi kepada reka bentuk pembinaan dan perabot yang dilaksanakan dan dibekalkan adalah tidak sesuai di mana kita dapati apabila kita semak kualiti kerja, kita dapati kualiti kerja bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab ini antara- ini yang Abdul Wahab ini longkang tidak bertutup ini disebabkan oleh kemungkinan *drawing* asal, *design* asal ia tidak letak penutup yang dicadangkan oleh juru perunding, apabila kontraktor buat dia tidak buat penutup jadi itu hendak kena ada APK lah.

So yang keduanya Keningau itu panjang bumbung tidak menutup koridor, longkang tidak bertutup. Ini mungkin orang kata kesalahan kontraktor tidak melihat kepada *design*. Betul ya? Betul kerana *design*, okey. Cuba tengok gambar dia. Akan tetapi benda itu dia orang sudah buat penutup balik. Bahayalah kepada budak-budak sekolah ini faham-faham.

Tuan Pengerusi: Semua ini sekolah...

Datuk Juhari bin Haron: Menengah ini ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Juhari bin Haron: Tidak, prinsipal sedia, kontraktor ikut tetapi kalau dia tidak masuk *design* dalam itu kontraktor buat ikut apa yang di sedialah. Itu kita *find fault* kepada perunding.

Next, kerja pembinaan tidak dilaksanakan dengan memuaskan. Ini kualitilah, antaranya iaitu kita tengok apabila dia buat lepaan simen, tengok gambar. Sebelum, tetapi sudah *repair* balik gambar-gambar itu. Tengok gambar itu, simen dia tidak nampak lurus. Selepas dan sebelum itu kita tengok pecah-pecah pun ada, ini dia sudah tutup. Akan tetapi yang ini sebenarnya masa kita buat ini sudah lepas *default period*, bukan dalam DFD kan, selepas. Sepatutnya setiap pegawai penguasa itu yang mengesahkan sebelum bayaran dibuat itu dia kena tengok semua *default* dan *list*-kan semua *default* dia kena serahkan kepada perunding dan *console* kontraktor untuk buat balik.

Akan tetapi ini yang selalu Encik Rosli ya yang selalu dialpakan, cuai oleh pegawai kita, bila kita ada sebegini benda itu selepas *default period* itu. Bila selepas *default period* audit masuk dia sepatutnya kena tindakan tatatertiblah. Kalau kita tidak masuk benda itu dibayar tetapi tidak di-*repair* masa- dia

orang sendiri pun tahu benda itu. Bila sekolah masuk *problemnya* bila pakai nanti itulah jadi isu kecederaan, isu tidak...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Juhari bin Haron: *Supervise* dia Kementerian Pendidikan.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Supervise project on the side.*

Datuk Juhari bin Haron: Yes, sebab dia pakai perunding, perunding yang dilantik oleh KPM. Tidak ada perunding. Dia ada pegawai di kementerian juga yang memantau perunding. Akan tetapi di sini apabila saya baca maklum balas itu. *Problemnya* di peringkat kementerian buat di Sabah, Sarawak yang *monitor* daripada kementerian sini.

Puan Siti Rohani binti Hussein [Sektor Audit Prestasi (Cawangan Audit Kementerian Pendidikan, Bahagian II) Jabatan Audit Negara]: Di sana, tetapi empat orang pegawai sahaja yang memantau di Sabah. Cuma pegawai kementerian ada dalam empat orang sahaja yang memantau keseluruhan projek pembangunan KPM di Sabah lah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Sarawak?

Puan Siti Rohani binti Hussein: Sarawak ada dalam lima, enam orang jugalah. Antara *bellow* 10 lah yang memantau semua projek pembangunan KPM di negeri Sabah dan Sarawak.

Datuk Juhari bin Haron: Itu sekolah agama, sekolah-sekolah.

Puan Siti Rohani binti Hussein: Sekolah lain, sekolah rendah, sekolah menengah, apa-apa pembinaan bawah KPM.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Datuk Juhari bin Haron: Yang konsultan KPM di Sabah dan Sarawak.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Lain-lain konsultan lain.

Datuk Juhari bin Haron: Konsultan, tidak- konsultan itu yang lain tidak adalah kan. Dia dilantik untuk *supervise* kontraktor kemudian pegawai yang dilantik itu kena *supervise* konsultan yang pengesahan kerja semua. Akan tetapi selalunya yang berlaku ialah di mana mereka *rely* atas konsultan lah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Konsultan *paid by who, direct by the government or by the contractor?*

Datuk Juhari bin Haron: Itu *government*. Setahun, itu yang kita pergi selepas setahun ya? Perjumpaan itu sebelum dalam tempoh *period* itu, itu yang saya kata pegawai yang diberi tanggungjawab dekat Sabah dan Sarawak ini patutnya mereka tidak boleh terima dokumen sahaja *and then pass for payment*.

■1050

Dia kena turun balik tengok. Walaupun kita letak kepercayaan pada juru perunding tapi juru perunding ini pun kita tak pasti bila ada berjumpa macam ini, makna ia menunjukkan juru perunding tak sahkan *on the ground* apa yang *defect* buat oleh kontraktor. Itu sahaja.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Juhari bin Haron: Akan tetapi yang itu *wallahualam*.

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat dan Komunikasi) Kementerian Kewangan]: Tuan Pengerusi, cuma nak tanya pada Jabatan Audit, *normally* kalau projek-projek yang melibatkan *building* ini kita akan melibatkan jabatan teknikal untuk pelaksanaan, bukan? Dalam kes ini ia tak melibatkan JKR ya?

Datuk Juhari bin Haron: Yang ini tidak. Ini KPM sendiri teknikal dia.

Encik Rosli bin Yaakub: Mungkin kita boleh tanya kepada mereka kenapa asas-asas mereka tidak menggunakan jabatan teknikal untuk pemantauan?

Datuk Juhari bin Haron: Ya, boleh tanya.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Juhari bin Haron: ...Bukan, *enough appointed*. KPM.

Seorang Ahli: Siapa SO?

Datuk Juhari bin Haron: SO juru perunding itulah... *[Disampuk]* KPM dia punya SO dia lah.

Seorang Ahli: Wakil SO perunding.

Datuk Juhari bin Haron: Wakil SO perundingnya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, penutup-penutup besi ini mungkin dia sudah pasang tapi dicuri seperti mana yang berlaku dengan Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dulu itu, semua benda besi di sekeliling masjid itu dicuri.

Tuan Pengerusi: Ada kemungkinan juga.

Seorang Ahli: Ada, yang untuk isu ini, dia cuma tersumbat sahaja.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Datuk Juhari bin Haron: Seterusnya, kerja binaan dan peralatan-peralatan yang tidak mengikut spesifikasi. Ini kita tengok setiap satu. Kita tengok *next slide*. Ini yang mana kita tengok telah diserahkan oleh syarikat yang buat pembekalan selepas teguran. Sebelum itu dia tak *supply*-lah. Kes ini kes yang mana pembekalan yang tidak- kerja pembekalan yang tidak mengikut lukisan spesifikasi, kerja peralatan. Contohnya, kalau sekolah ini Sekolah Mashoor, yang ini apa dia? Ini *mobile scaffolding*. *Mobile scaffolding* itu yang macam ada dalam gambar itu. Ini yang bilik masak, bukan?... *[Bertanya kepada Puan Nooranita binti Dain]*

Puan Nooranita binti Dain [Timbalan Pengarah Sektor Audit Prestasi (Cawangan Audit Kementerian Pendidikan, Bahagian II)]: Dewan, dewan.

Datuk Juhari bin Haron: Dewan. So, yang ini kita tengok kerja-kerja *skirting* dia tak pasang. Lepas itu pasang *skirting* balik.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Mashoor ini dia buat yang baru ini di mana, di tempat yang sama kah?

Datuk Juhari bin Haron: Mashoor, siapa pergi lawat Mashoor? Sekolah lama, Matang lah. Matang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tempat yang sama kah atau di tempat...

Datuk Juhari bin Haron: Buat tempat baru.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Datuk Juhari bin Haron: Okey, yang seterusnya, yang di mana Sekolah Keningau ini, *skirting* tidak dibuat juga. Kerja-kerja pemasangan *gutter* tidak dibuat. Ini kerja pemasangan *blind* tak masuk. Pemasangan *tiles* pun tak buat. Itu dia buat balik, kan. Kerja pemasangan- ini dah tadi, *gutter* tadi tak buat juga, lepas itu buat balik. Ini pun kerusi berangkai yang tak dibekalkan semasa pemeriksaan audit tapi dibekalkan balik.

So, ini semua kekurangan-kekurangan yang kita dapati yang sepatutnya pengesahan oleh juru perunding itu mengatakan telah dibekalkan dan buat semuanya itu, ini yang kita *raise* ini supaya tindakan kepada kontraktor dan juru perunding itu yang *monitor* dia punya itu dan juga pegawai kita yang sah atas kertas itu yang tak buat lawatan juga untuk melihat bersama perunding. Sepatutnya mereka bersama perunding itu. Lepas itu bila dia nak *submit*, bila nak itu dia kena tengok balik pengesahan itu.

Okey, *next*. Seterusnya ini cat pudar. Cat pudar tapi itulah sebab kita pergi pun lebih kurang tempoh setahun tapi dia masih dalam *warranty* lagi, sebenarnya dalam enam tahun. Sepatutnya cat itu dia kata *warranty* enam tahun tetapi dah nampak luntur mungkin sebab dia tak balas agaknya ketika buat cat. Ini kualiti kerja jugalah. Sama juga bumbung. Sepatutnya bumbung itu lima tahun dia punya *warranty* tetapi dah nampak pudar, dia keluar warna.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Dia kata cat itu lima tahun?

Datuk Juhari bin Haron: Lima tahun.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Memang ICI *guarantee* lima tahun. *Warranty* sepatutnya.

Datuk Juhari bin Haron: Akan tapi kalau rumah kita, kita tengok lima tahun masih tahan lagi.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Itulah kalau betul-betul.

Datuk Juhari bin Haron: Kalau betul-betul. *Next*, yang serius sekali yang ini. Ha! Lif. Yang seriusnya lif di mana kalau kita tengok lif sepatutnya mengikut dia punya *design* asal itu, *design* dia itu selalunya *design lift shaft* itu tidak memenuhi ketegakan, dah memang *design* dia pun *crooked*, dia tak ikut. Contohnya, kalau kita tengok spesifikasi pemasangan *lift design* itu, blok akademik ada dua, pemasangan lif blok asrama tiga, blok kuarters satu, kapasiti 95 kilogram yang boleh buat 14 orang tapi lif punya *design* itu untuk masuk *lift shaft* itu, dia buat tak boleh masuk. Kalau bawa *shaft* lif itu, nak masuk tak boleh sebab dia punya *design* kecil, boleh muat 10. So, dia punya itu 10, lif yang dia bawa itu 14 dalam spesifikasi tapi *design* itu 10, bila bawa tak boleh masuk. So *that* dia kena pecah.

Seorang Ahli: Shaft.

Datuk Juhari bin Haron: Ya, yang lubang itu. Ruangan dia. Betul ya?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ini sekolah yang mana ini?

Datuk Juhari bin Haron: Ini berlaku pada Sekolah Al-Mashoor.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ada berapa tingkat?

Puan Siti Rohani binti Hussein: Lapan dan sembilan tingkat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Blok asrama lah ini?

Datuk Juhari bin Haron: Lapan dan sembilan tingkat.

Puan Siti Rohani binti Hussein: Ya, tinggi.

Seorang Ahli: Berapa tingkat tadi?

Puan Siti Rohani binti Hussein: Lapan dan sembilan tingkat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Asrama pun *high-rise*.

Datuk Juhari bin Haron: Ya, tak ada dalam ini. Okey, kalau kita tengok dia punya perbezaan saiz sesalur yang dibina itu memang asalnya *design drawing* itu untuk 14 tapi bila dia bina itu memang untuk 10 orang. So, apa yang dia buat, dia kena... *[Disampuk]* Seramai 14 orang boleh masuk dalam itu, kapasiti lif tapi dia buat kecil.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Juhari bin Haron: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tak ikut spesifikasi.

Datuk Juhari bin Haron: Habis. So...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Juhari bin Haron: So dia buat itu, dia kecilkan sebab kalau dia pecah dia punya struktur itu, struktur itu tak stabil yang dalam, yang sini dan lif itu sendiri. So, disebabkan dia punya itu kecil, dia kecilkan dia punya lif kepada 10. Kapasiti 10.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: ...Dia ubah ini lepas audit kah?

Datuk Juhari bin Haron: Ini, sebelum ya?... *[Bertanya kepada seorang pegawai]*

Puan Siti Rohani binti Hussein: Sebelum, pembinaan itu dia dah ubah.

Datuk Juhari bin Haron: Dia dah *signed*.

■1100

Puan Siti Rohani binti Hussein: Dia sudah ubah waktu pembinaan tetapi tidak ada- waktu kita buat audit itu dia tidak buat pelarasan lagilah. Selepas itu baru ada pelarasan.

Datuk Juhari bin Haron: Harga dialah, dia kena.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Siti Rohani binti Hussein: Kontraktor atas persetujuan kementerian jugalah. Sebab memang benda itu perunding sekali.

Datuk Juhari bin Haron: Ini kalau pecah bahaya sebab kalau dia pecah bahaya sebab struktur dinding itu sendiri. So, dia kena kecilkan dan sesuaikan daripada 15 ke 10 orang. Diameter dia memang 14. Hospital Tampin? Hospital Tampin pun sama macam ini. Lif itu bawa *stretcher* dengan 10 orang pesakit, dia buat macam itu dia tidak muat. Dia *design*-kan juga orang yang cukup-cukup. Jadi, *stretcher* kalau masuk semua orang, *stretcher* sahaja boleh masuk. Orang tidak boleh masuk.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kalau orang mati berdirilah?

Datuk Juhari bin Haron: *[Ketawa]*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Datuk Juhari bin Haron: ...Yang ini sekolah ini kecacatan kita telah bincangkan tadi sudah. Kita tengok gambar tadi— yang gambar tadi. Yang belum diambil tindakan walaupun telah pun- dalam tempoh kecacatan tetapi belum diambil tindakan sehingga kini. Sekarang kita tengok sudah siap. *[Merujuk kepada slaid]*

So, next. Ini pemasangan pengujian peralatan yang dibekalkan daripada baucar bayaran, kita dapati RM279,099 itu telah bayar tanpa sertakan sijil. Sebab dalam dia punya SOP dia, dia kena setiap peralatan itu yang dibekalkan ke sekolah-sekolah mesti ada T&C. *So, T&C tidak dibuatlah. So, yang ini kita query- diterima. Next.*

Ini peralatan berlebihan pula. Ini berlaku di antara peralatan pejabat di mana kontraktor pembekal dalam konteks ada tetapi JPN pun beli lagi. Jadi, ada lebih keperluan. Jadi ini koordinasi. Sepatutnya bila pembelian hendak dibuat itu pihak Jabatan Pendidikan Negeri sepatutnya *refer* balik pada Kementerian Pendidikan atau pegawai yang bertanggungjawab dan kepada kontraktor supaya tengok apa kekurangan. Ini saya tidak pasti macam mana boleh koordinasi komunikasi ini di antara JPN dapat peruntukan dari KPM suruh beli. Tunjuk gambar ada?... *[Merujuk kepada paparan slaid]* Ini gambar dia. Lebih gambar peralatan. *Next.*

Sekarang itu yang tidak diguna sehingga audit mereka telah menggunakannyalah. Peralatan dapur tidak digunakan sudah rosak. Satu unit *hood type dishwasher* ada setengah sudah berkarat. *So, mereka kata sudah guna. Ini antara peralatan-peralatan sejak daripada di serah kepada sekolah yang bila kita tegur baru dia gunalah. Akan tetapi, okeylah dapat guna sudah.*

Next... [Merujuk kepada paparan slaid] Ini pun sama.

Next, ini sudah rosak. Tidak dapat digunakan. Dia *supply*. T&C tidak buat. Bila T&C tidak buat, tidak guna, sekarang sudah rosak. *So, kita... [Disampuk]* Asrama ini perlu tetapi sebabkan kadang-kadang arahan, kadang-kadang cikgu hendak jaga- barukan. Bersihkan. Kadang *cafeterer* lebih suka pakai dia punya. Dia pakai dia punya semua, dia tidak pakai yang itu. Jadi, itu isu dia sekarang.

*So, kita minta dia pakai sebab sudah beli. So, cuma masalah kita bila peralatan tidak dibuat T&C kita tidak pasti sama ada kerosakan berlaku atau tidak, bazir atau tidak. Akan tetapi bila sudah lepas *period* itu, susahlah. Kita hendak *claim*, kata kerosakan disebabkan penghantaran itu sendiri sudah *default*. *So, kita kena repair* jugalah. Ini kerugian-kerugian yang kita tanggung itu. Tidak fasal-fasallah.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Datuk Juhari bin Haron: Ini pemantauan ini, rekod yang tadilah semua reka bentuk, pengesahan bayaran, pengesahan kerja, pemeriksaan tapak binaan yang lagi semua itu kita letak kesalahan-kesalahan banyak pihaklah. Satu; kontraktor, perunding dan pegawai. Itulah kelemahan yang kita jumpa. *Next,* itu sahaja- yang ini satu lagi kemudahan sama tadi. Ini belum selesai ini. Sebab kemudahan seperti makmal komputer, makmal sains, kimia dan semuanya tidak digunakan. Masih lagi tidak digunakan, *so pending* satulah. Daripada 15 kelemahan, satu yang belum lagi diambil tindakan. Ini isu dia. Ini masih tidak tahu macam mana, kenapa tidak pakai. Tidak pasti ya.

Next, gambar... *[Merujuk kepada paparan slaid]* *Next,* itu sahaja Tuan Pengerusi.

Dr. Tan Seng Giaw: Daripada 15 kelemahan itu, kita dapati 14 sudah selesai. Apakah maksud kita panggil mereka sekarang ini?

Datuk Juhari bin Haron: Panggil mereka? Yang ini selesai memang adalah menjadi tanggungjawab pihak *auditee* setiap kali laporan audit dibangkit, mereka mesti mengambil tindakan segera terhadap isu-isu yang dilaporkan supaya isu-isu tersebut diambil tindakan dan kita hendak tengok tindakan itu dapat dimanfaatkanlah. Kalau tindakan tidak dibuat, kerugian lebih orang kata mudaratlah.

Kedua, kita kalau dalam tempoh *warranty* lagi, kita minta dia ambil tindakan segera- tuntutan dan juga kita minta di sini bukan setakat tindakan dibuat walaupun kita sudah bangkit tetapi kita bangkit selepas- kita bangkit tindakan dibuat tetap pelanggaran itu wujud. Tetap pelanggaran itu wujud. So, kita panggil di sini untuk pihak Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui- sebab dia ada banyak lagi sekolah lain. Kalau audit pergi nanti kemungkinan, kalau tiga sekolah tiga-tiga 100 peratus berlaku perkara yang sama. Dia ada lagi tujuh, ada lagi lima, empat. Bukan setakat sekolah agama, dia ada sekolah kebangsaan lagi.

Bila benda ini, pegawai yang sama juga akan memantau. Kalau pegawai yang sama juga jaga sekolah tiga ini kena tindakan tatatertib, dia lari. Tidak akan duduk situ, yang lain adakah sanggup hendak buat. Itu yang kita kena bincang macam mana. Sebab benda ini ketiga 100 peratus, tiga-tiga berlaku.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sedikit Tuan Pengerusi. *What is our role as a Member of PAC now? If we want to find or want to know any default dalam keadaannya sekarang, kalau kita tengok kecuaiannya pegawai pengawal misalannya, kecuaiannya konsultan. Are we in the position to recommend that this people reprimanded. See i.e. maybe in a form of surcharge or something like that. Because it is amount of money that government is losing and what is our role.*

Datuk Juhari bin Haron: Satu lagi, kita pun tidak siasat lebih lanjut adakah tiga-tiga konsultan ini terlibat dengan projek-projek kerajaan yang lain. Itu tidak tahu.

■1110

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu Yang Berhormat Jasin kadangkala ada nama Tengku yang terlibat juga.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ada *[Ketawa]* Betul Yang Berhormat saya setuju.

Datuk Juhari bin Haron: Saya setuju tapi itu terlibat pun bukan dia terlibat buat pasang batu bata, tapi *monitoring* pasang batu bata kita kena pasti, tidak akan Tengku itu yang tidak terlibat kita hendak pergi salahkan dia *[Ketawa]*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Consultant* ini adalah orang yang penting. Dalam satu-satu keadaan bangunan itu runtuh, *who is reliable or who's going to be held responsible for all this*

defect. If not they are not consultant. Consultant maknanya *drawing you* tidak betul. Jadi bermakna *you are not simply taking the money from proper principle...* [Disampuk] Maknanya *consultant* ini orang kata...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Just to add* Yang Berhormat, *consultant* sebelum sejak kita merdeka lagi dulu belum ada wujud *consultant*, semua *government* yang buat, JKR yang buat daripada *design*, sampai *supervision*, sampai *level* tanah.

Just that the roll of this job now we outsource taken over by consultant. They supposed to take the roll of exactly what the technical department supposed to do, that was supposed to do. Macam you cakap tadilah kalau *consultant*...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

[Saksi-saksi dari Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Yang Berbahagia Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia; Yang Berbahagia Datuk Seri Azmi bin Lateh, Timbalan Ketua Setiausaha; Yang Berbahagia Dato' Khalid bin Abu Bakar, Setiausaha Bahagian; pegawai-pegawai; dan kakitangan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Terima kasih, bagi pihak PAC kerana kesudian Dato' Sri dan pegawai-pegawai hadir pada pagi ini untuk kita mengadakan prosiding bagi perkara-perkara yang telah dikenal pasti oleh Jabatan Audit Negara terutamanya bidang pembinaan sekolah-sekolah.

Kita dapati banyak kecacatan dan juga *spec* yang tidak begitu memuaskan terutamanya bila projek-projek ini dilaksanakan secara *in-house* di mana bukan daripada JKR, di mana *consultant* dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

■1120

Selalunya kita dapat banyak kes-kes konsultan ini *supervision* dia *towards that project* tidak seperti JKR *supervise* projek. Mungkin Kementerian Pendidikan ada jabatan teknikal mereka sendiri yang boleh *check* projek-projek. Ini yang kita hendak cuba cari sebab-sebab dan musabab kenapa bila pembinaan-pembinaan sekolah umpamanya, berlaku perkara-perkara yang tidak memuaskan. Jadi, saya percaya Dato' Sri tahu apa yang hendak dibangkitkan oleh Jabatan Audit. Jadi, saya mempersilakanlah Dato' Sri untuk memberi penjelasan.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad [Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin iaitu Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan ahli mesyuarat sekalian.

Yang Berhormat, izinkan saya untuk membentangkan atau memberi taklimat kepada Majlis Mesyuarat Jawatankuasa PAC mengenai pengurusan projek pembinaan sekolah menengah kebangsaan agama dan kemudahan lain yang berkaitan bagi Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebelum itu juga Tuan Pengerusi, bersama saya adalah beberapa pegawai kanan dan juga pengurus projek yang terlibat

secara langsung untuk membantu saya atau kementerian untuk menjawab isu-isu yang sekiranya timbul dengan lebih terperinci, Tuan Pengerusi.

Tiga sekolah utama yang dibuat audit ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Perempuan Al-Mashoor Pulau Pinang. Projek ini siap pada bulan Disember 2014 dengan kos RM69.7 juta.

Kedua ialah, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab di Sarawak. Sekolah ini siap pada 15 November 2013 dengan kos pembinaan RM73.3 juta Yang Berhormat. Ketiga ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Keningau Sabah. Sekolah ini siap pada 31 Januari 2013 dengan kos pembinaan RM43.19 juta.

Tuan Pengerusi, sebanyak 24 penemuan Audit telah dikemukakan oleh pihak Jabatan Audit Negara kepada kementerian. Daripada 24 ini, 23 penemuan telah selesai dan diberi taraf hijau. Hanya satu sahaja Yang Berhormat, yang dalam tindakan yang diberi taraf kuning. Untuk yang dalam taraf kuning ini, penemuan audit merumuskan bahawa kemudahan makmal komputer, kemudahan makmal sains, kimia, fizik, makmal biologi, bilik kerja, bilik masak, bilik sukan dan bilik muzik SMKA Keningau tidak digunakan sejak sekolah mula beroperasi kerana tiada peralatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang disediakan.

Untuk ini Tuan Pengerusi, tindakan pihak kementerian. Perolehan peralatan sedang dilaksanakan bagi membolehkan kemudahan seperti Makmal Komputer, Makmal Sains dan makmal-makmal lain itu boleh diguna pakai. Terakhir ialah peruntukan telah disalurkan oleh pihak kementerian kepada bahagian terlibat iaitu Bahagian Pendidikan Islam untuk membeli peralatan-peralatan berkenaan. Manakala untuk peralatan memasak dan sebagainya ini, pada masa Jabatan Audit membuat pemeriksaan didapati alat-alat ini tidak digunakan kerana pihak kontraktor ataupun pembekal makanan ini menggunakan peralatan mereka sendiri. Sekarang ini setelah teguran audit ini, pembekal makanan atau kontraktor telah menggunakan segala peralatan yang dibeli oleh pihak sekolah di bawah kontrak. Itu Yang Berhormat untuk yang di bawah kategori kuning tadi.

Seterusnya, terdapat 23 lagi Tuan Pengerusi, di bawah kategori hijau yang dianggap selesai oleh pihak Jabatan Audit. Pertama, isu-isu berkaitan dengan pencapaian fizikal. Pertama, projek pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (P) Al-Mashoor, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab dan SMKA Keningau serta kemudahan lain yang berkaitan telah berjaya disiapkan walaupun melepasi tarikh siap asal. Jadi berdasarkan tarikh siap baru, hanya Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab lewat disiapkan. Makluman daripada KPM, tiada sebarang lanjutan masa atau EOT diluluskan selepas Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan. Walaupun terdapat EOT diluluskan selepas tamat tempoh kontrak, kementerian telah mengeluarkan Perakuan Tidak Siap Kerja (CNC) dan ia mematuhi prosedur seperti mana yang termaktub dalam kontrak Yang Berhormat.

Next. Bagi penemuan yang berikut- yang kedua. Berdasarkan kontrak, tempoh pelaksanaan bagi tiga projek pembinaan sekolah agama yang dipilih adalah antara 24 hingga 30 bulan, kontrak asal. Bagaimanapun, ketiga-tiga projek yang telah diluluskan lanjutan masa atau EOT antara 107 hari hingga

956 hari. Dalam konteks ini Yang Berhormat, maklum balas daripada KPM bahawa pihak kontraktor layak mendapat lanjutan masa sekiranya kelewatan bukan berpunca daripada kontraktor berdasarkan kepada syarat-syarat yang termaktub di dalam kontrak.

Next, yang ketiga. Terdapat dua EOT lewat dimohon selama 35 dan 97 hari, manakala lima lagi EOT lewat diluluskan antara 37 hingga 260 hari selepas tarikh siap projek. Antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan penyiapan kerja adalah disebabkan kerja-kerja yang melibatkan pihak berkuasa tempatan, kelewatan Kementerian meluluskan Wang Peruntukan Sementara (WPS) dan kerja-kerja di luar jangkaan. Manakala maklum balas daripada KPM ialah pihak perunding telah mengemukakan permohonan kontraktor untuk lanjutan masa sebelum tarikh siap. Manakala di peringkat Kementerian, dia perlu melalui beberapa proses penilaian iaitu:

- (i) perunding;
- (ii) pengurus projek dan teknikal; dan
- (iii) Jawatankuasa Lanjut Masa atau EOT.

Setelah mendapat kelulusan jawatankuasa, ia dikemukakan semula kepada perunding untuk penyediaan Sijil Lanjutan Masa dan kemudiannya diserahkan kepada pegawai penguasa untuk ditandatangani. *This is the process* yang telah dilaksanakan oleh Kementerian, Yang Berhormat.

Next, yang keempat. Penemuan yang keempat ialah kontraktor telah diberi EOT pertama selama 316 hari bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (P) Al-Mashoor disebabkan arahan Majlis Bandaraya Pulau Pinang pada 27 Julai 2010 untuk memberhentikan kerja pembinaan kerana permohonan kebenaran merancang atau KM bagi pembangunan belum diluluskan. Maklum balas daripada Kementerian, projek ini telah mendapat empat kali EOT dengan keseluruhan tambahan 956 hari. Tarikh siap projek adalah pada 25 Disember 2015, manakala tarikh CMGD adalah pada 25 Disember 2016.

Semua isu kelewatan projek selesai dengan perbincangan menerusi Mesyuarat EOT dan Pengecualian Ganti rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD). Penambahbaikan yang telah dibuat adalah semua panggilan tender hanya dibuat setelah kebenaran merancang (KM) diluluskan oleh PBT.

Tuan Pengerusi: Macam mana *consideration* dia, macam 956 hari ini, sebab apa dia terlalu lama ya? Dekat tiga tahun ya.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Tiga tahun. Saya dimaklumkan projek ini ada sedikit masalah dengan pihak perbandaran yang beberapa kali kebenaran merancang itu yang tertangguh. Saya tanya *detail* kalau ada pegawai pengurus projek boleh jelaskan. Puan Annie.

Puan Annie @ Sabrina binti Lasumin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Seksyen Menengah), Kementerian Pendidikan]: Terima kasih Yang Berbahagia Dato' Sri KSU, Yang Berhormat dan ahli-ahli mesyuarat sekalian. Untuk EOT nombor satu, kebenaran merancang proses kelulusan KM ini adalah sebanyak 316 hari. Ini disebabkan oleh permohonan tidak dapat dikemukakan kepada MPP kerana Jabatan Bangunan Bahagian Akta Warisan MPP masih belum memberi ulasan teknikal.

■1130

So, dia antara Jabatan Bangunan dengan MPP ini, dia saling- dia kata MPP kata Jabatan Bangunan tidak *sign* lagi. So untuk Jabatan Bangunan Warisan pula dia kata ini MPP tidak bagi kebenaran merancang dahulu. So, di situlah berlakunya tempoh masa 316 hari tersebut sebab dia melibatkan bangunan warisan di tapak.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, di Sekolah Al-Mashoor tapak baru ini kalau Yang Berhormat sempat tengok ya, dalam kompleks kita itu beberapa bangunan sekolah sudah siap tetapi ada satu *portion* yang tidak boleh disentuh, terpaksa kita buat pagar lain kerana bangunan warisan, *heritage*. Kita hendak buat duit tidak ada, dia hendak bagi duit pun tidak ada duit juga. Jadi kita tinggalkan dalam *portion* tanah kita itu bangunan warisan itu. Ini yang menjadi isu sebenar pada masa itu.

Saya melawat minggu yang lalu Yang Berhormat dan saya tengok memang berada dalam kompaun kita, bangunan lama ini. Jadi kita pun tidak boleh buat apa, akan tetapi kalau ikut perbandaran ini hak KPM tetapi kita tidak ada peruntukan untuk *refurbish* ataupun menambah baik bangunan ini. *It's a small building, about this size only, about this size*. Dua tingkat bangunan kayu, mungkin *100 years old* bangunan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Saya pengalaman tentang bangunan warisan ini. Kalau bermakna warisan, kalau dia telah diwartakan, tanah itu bukan milik KPM. Itu tanah milik warisan. Kalau dalam kawasan kepunyaan kita, *all we need to do is to the gazette* bangunan itu. Fasal kalau kata bangunan warisan itu tanah warisan, tetapi kalau dalam tanah kita, *we have got to inform the relevant department to the gazette*. Kalau bangunan itu tidak ada nilai-nilai sejarahnya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ini satu lagi KSU. Tadi ada Jawatankuasa Lanjut Masa ini, jawatankuasa di peringkat mana itu?

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Kementerian, KPM.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: KPM?

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: KPM, ya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: KPM ya, itu satu. Keduanya juga tadi seperti Yang Berhormat Jasin tanya itu, *I mean* kadang-kadang di peringkat perancangan macam mana ya. *Have we clear all these things* sebelum kita hendak bina semua perancanganlah. *I mean don't we realize this, all these things* sebelum kita hendak rancang buat di situ dahulu?

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: *It look nice*. Yang Berhormat, kita pun harap begitu jugalah, semasa buat perancangan itu semua kertas itu teratur elok, jadi kita menghadapi beberapa agensi lain di bawah sana itu untuk melengkapkan perancangan kita. Jadi kebenaran merancang itu selalunya datang daripada *local authority*. Jadi berdasarkan pengalaman-pengalaman kita lepas-lepas itu berbagai-bagai yang tidak dapat tempoh masa yang kita perlukan untuk membuat projek selepas ditangguhkan, masalah jalan, sebab jalan masuk sebagai contoh. Ini yang selalunya melambatkan projek. Jadi *sometimes* itu kita terpaksa buat dahulu, kemudian-kemudian.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Bulldoze* dahulu kah?

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Kalau kita bemasib baik, kita okey, kalau tidak nasib baik dia *query*, itu masalah dia.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Bulldoze* dahululah ya [*Ketawa*]

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Itu pun kena berhati-hati Yang Berhormat, saya benda macam ini selalunya di luar kawalan kitalah. Kita sebenarnya hendak elakkan perkara di bawah sana.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah ini diserahkan kepada kontraktor pada awal-awal lagi ataupun keputusan dibuat oleh KPM, kemudian diserahkan kepada kontraktor.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Saya minta Dato' Khalid, SUB jawab. *Engineer*.

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob [Timbalan Setiausaha Bahagian (Cawangan Teknikal), Kementerian Pendidikan]: Tuan Pengerusi, dalam pembinaan bangunan untuk yang dilaksanakan secara oleh pihak KPM, memang kita melantik konsultan. Jadi dalam untuk mendapat kelulusan KM dan pelan bangunan, memang konsultan yang akan buat *submission* kepada pihak berkuasa tempatanlah. Jadi sedikit maklumat tambahan mengenai KM tadi. Jadi memang dahulu untuk projek-projek KPM memang ada ketikanya kita panggil tender sebelum KM diluluskan, tetapi sekarang kita punya SOP dalaman kita, jadi projek tidak akan di tender selagi KM tidak diluluskan.

Jadi saya ingat kejadian ataupun apa yang berlaku di Al-Mashoor itu tidak akan berulang lagilah dari segi kelulusan dan kebenaran merancang.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah ini bermakna KPM telah melantik kontraktor yang tidak mampu?

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Saya tidak mengatakan begitu Yang Berhormat, minta maaf. Kadang-kadang semasa tender, Jawatankuasa Tender, Lembaga Tender itu melihat apa yang berada dalam *submission* ataupun tender berkenaan. Akan tetapi yang di luar kawalan itu ialah melibatkan agensi-agensi, dia lain di luar daripada kementerian. Jadi selalu boleh berlaku dan benda ini saya rasa akan berlaku. Banyak sekolah-sekolah kita yang juga diaudit bila melibatkan jabatan-jabatan yang berkaitan dengan kebenaran merancang ini selalunya akan timbul berbagai-bagai tuntutan dan sebagainya.

Jadi kelewatan akan berlaku hal-hal seperti yang saya sebut tadi itu. Jadi tidak wajar saya sebutkan agensi-agensi berkenaan, tetapi itu keperluan, keperluan.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukankah itu kalau kita melantik kontraktor itu, kontraktor mesti mengkaji keseluruhannya dan itu mampu membuat kerja. Kalau tidak, mengapa dia dilantik.

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: Tuan Pengerusi, dari segi pelantikan kontraktor itu memang terdapat penilaianlah sebelum dibawa ke Lembaga Perolehan. Untuk kes Al-Mashoor ini ia lebih melibatkan dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang yang mana ia di luar kawalan pihak kontraktor. Jadi selagi kita belum dapat kelulusan untuk KM dan kelulusan pelan bangunan, selagi itulah majlis tidak mengangkat *stop work order* yang telah dikeluarkan kepada pihak KPM.

Tuan Pengerusi: Pengajaranlah kepada Kementerian Pendidikan supaya masa-masa yang lain tidak terus- okey boleh teruskanlah.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi. Penemuan kelima ialah SMK Keningau didapati kelewatan meluluskan kerja Wang Peruntukan Sementara (WPS) oleh Kementerian pada 27 November 2012 mengakibatkan EOT terpaksa diberikan kepada kontraktor walaupun kontraktor telah mengemukakan permohonan WPS lebih awal iaitu pada 8 Mac 2012. Kelewatan kelulusan WPS menyebabkan EOT selama 174 hari telah diberikan.

Maklum balas KPM. KPM telah mengambil tindakan pembiakan untuk memastikan sebarang permohonan yang melibatkan APK/WPS/PHK/KKS diproses segera setelah dokumen lengkap diterima untuk mengelakkan EOT diberikan kepada kontraktor. Tindakan penambahbaikan diambil adalah dalam Mesyuarat APK/WPS setelah diadakan dengan lebih kerap untuk mengatasi isu-isu yang disebutkan tadi.

Enam, perubahan kerja dibuat melalui *Architect's Instruction (AI)* dan *Structural Instruction (SI)* perunding yang melibatkan SMKA (P) AI-Mashoor dan Sekolah Sheikh Haji Othman tidak dikemukakan kepada pegawai penguasa untuk kelulusan. Berdasarkan AI dan SI tersebut kontraktor didapati telah melakukan perubahan kerja tanpa sebarang pertambahan ataupun pengurangan kos kerana tiada penilaian dan pengukuran kerja telah dibuat terhadap perubahan kerja berkenaan.

Maklum balas KPM bagi Sekolah AI-Mashoor. Semua perbezaan di antara lukisan dan kuantiti di dalam kontrak telah dibuat pelarasan dan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) bagi projek ini sehingga PHK 14 yang terakhir telah diluluskan pada 7 Disember 2015. Manakala bagi Sekolah Sheikh Haji Othman, APK yang dimaksudkan tidak melibatkan sebarang perubahan kos.

■1140

Penambahbaikan yang diambil ialah bagi kerja-kerja yang menyimpang daripada lukisan kontrak dan yang keluar daripada senarai kuantiti. Perlu mendapat kelulusan prinsip daripada pegawai penguasa terlebih dahulu sebelum memulakan kerja.

Ketujuh, penemuan audit. SST bagi SMKA Sheikh Haji Othman dan SMKA Keningau lewat dikeluarkan dengan masing-masing selama 34 dan 90 hari. Maklum Balas KPM- KPM mengakui terdapat kelewatan menandatangani SST bagi SMKA Keningau dan SMKA Sheikh Haji Othman akibat daripada berlaku pertukaran pegawai pada masa berkenaan. Sebagai langkah penambahbaikan, SOP pengeluaran SST telah dikemaskinikan di mana satu unit di Bahagian Pembangunan Pelajaran dipertanggungjawabkan bagi menguruskan SST untuk mempercepatkan proses tersebut. Satu unit khas diwujudkan untuk memastikan SST dipercepatkan.

Kelapan, penemuan audit. Dokumen kontrak projek pembinaan SMKA (P) AI-Mashoor dan SMKA Keningau telah lewat ditandatangani dengan masing-masing selama 113 dan 209 hari. Maklum Balas KPM- SMKA (P) AI-Mashoor dan SMKA Sheikh Haji Othman, kelewatan menandatangani kontrak akibat daripada kelewatan proses Pelarasan Harga dan Kadar Harga Kontrak oleh pihak kontraktor. Manakala bagi SMKA Keningau, kelewatan menandatangani kontrak adalah disebabkan oleh pindaan kepada lukisan pembinaari. Jadi sebagai langkah penambahbaikan, pihak KPM telah mengarahkan semua perunding memastikan SPP5/2007 dipatuhi. Pelarasan Harga Kontrak juga perlu dimuktamadkan dalam tempoh 60 hari dari tarikh SST. Syarat yang dikenakan.

Kesembilan, penemuan Audit. *As-built drawing* bagi SMKA (P) Al-Mashoor dan SMKA Keningau lewat dikemukakan kepada kementerian dengan masing-masing selama 109 dan 559 hari. Manakala sehingga 31 Mei 2015, *as-built drawing* bagi SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab masih belum dikemukakan. Maklum Balas KPM bagi SMKA (P) Al-Mashoor, *as-built drawing* telah dikemukakan pada 25 Mei 2015 dan dijilid bersekali dengan Manual Operasi dan Waranti dan ditempatkan di JPN serta pihak sekolah. Manakala bagi SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, *as-built drawing* telah dikemukakan pada 18 Disember 2015. Bagi SMKA Keningau, *as-built drawing* telah dikemukakan pada 12 Ogos 2015.

Jadi sebagai langkah penambahbaikan Yang Berhormat, dalam peringkat penyerahan projek, salah satu dokumen yang mesti disediakan oleh kontraktor adalah *as-built drawing*, siji-siji waranti dan juga manual operasi dan penyelenggaraan. *As-built drawing* juga perlu dikemukakan dalam tempoh 30 hari selepas CPC dikeluarkan dan sekiranya gagal, wang tahanan sebanyak 2.5 peratus daripada 5 peratus WJP tidak akan dikembalikan semasa CPC dikeluarkan. Ini syarat yang lebih ketat Yang Berhormat.

Sepuluh, penemuan Audit. Adalah didapati beberapa reka bentuk pembinaan atau perabot yang dilaksanakan atau dibekalkan adalah tidak praktikal atau tidak sesuai. Maklum Balas KPM bagi SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, kerja-kerja pemasangan penutup longkang telah selesai. Ini berkaitan dengan longkang. Bagi SMKA Keningau, kontraktor telah diarah membuat kerja-kerja pembaikan bumbung seperti yang terdapat dalam lukisan kontrak dan kerja telah disiapkan pada 31 Disember 2015. Ada gambar belakang. Ini penutup longkang yang tidak teratur dan sebagainya.

Okey, *next*, ke-11, penemuan Audit- adalah didapati kerja pembinaan di kesemua SMKA tidak dilaksanakan dengan memuaskan. Maklum Balas KPM...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: KSU, tadi nombor 10 itu ya, macam *drawing* asal di-*design* oleh konsultan, *then* lepas itu masa buat *and then they found out* ini kurang itu kurang. Maka dibuatlah penambahan bumbung, contohnya ya. Jadi, bagaimana dengan penambahan ini? Adakah kos tambahan ataupun *still at the same cost*?

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: Tuan Pengerusi, yang mana kerja-kerja yang tidak terdapat dalam lukisan ataupun senarai kuantiti asal, jika pihak KPM ataupun pihak perunding mengarahkan kontraktor melaksanakannya maka kontraktor ada hak untuk menuntut pertambahan kos.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okey, konsultan dilantik oleh Kementerian Pendidikan, *right*? Lepas itu konsultan siapa yang lantik, yang *prepare drawing* semua sebelum kerja ini? Siapa *prepare*, pihak konsultan?

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: Konsultan dilantik oleh pihak KPM dan lukisan-lukisan pembinaan disediakan oleh pihak konsultan.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Okay, the consultant, are they paid direct by the government or their pay master is the contractor?*

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: Konsultan dibayar oleh pihak KPM secara *direct* pasal memang kita ada perjanjian khusus antara KPM dan konsultan.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: So, dalam inilah, bukan apalah ya. Mungkin bumbung ini kecillah ya, tak tahu mungkin barang-barang lain lagi. *So what do you do with the consultant* macam mereka lupa itu lupa ini dalam *design and then at the end* bila dah buat, baru tahu ini kurang, ini kena tambah, itu kena tambah, *it incurred cost to the government* lagilah. *What do you do with the consultant?* Dia punya ini- kalau dia punya *fault*, kenapa ini lupa itu lupa, ini lupa *in the first place preparation, it incurred cost to the government. Do you cut the consultant* punya kos atau apa?

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: Yang Berhormat, kalaulah perjanjian dahulu yang mana kita menggunakan *Memorandum of Agreement (MOA)*, so, daripada segi tindakan punitif kepada konsultan itu memang tiadalah. Akan tetapi sekarang semenjak tahun 2015, kita telah menggunakan satu perjanjian baru yang kita panggil *Consultancy Service Agreement (CSA)* yang mana terdapat klausa-klausa yang mana jika konsultan menyediakan lukisan ataupun VQ yang mana akan melibatkan pertambahan kos kepada *government*, so pihak KPM boleh *back charge* balik kepada konsultan tersebut. Memang dah ada klausa-klausa ini dalam CSA.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *This project* macam mana, *agreement* atau CSA?

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: Masih lagi MoA.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Cuma apa yang kita boleh buat Yang Berhormat, kita maklumkan kepada pihak *chartered* untuk *blacklist* ataupun...

Seorang Ahli: Lembaga dia.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Pihak Lembaga ini untuk *blacklist*. Kita syorkan kepada pihak mereka. Begitu sahaja kita boleh buat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tuan Pengerusi, konsultan ini *is being paid on his professional advice*. Itu sahaja yang dibayarkan? *In this case, there are not professional*. Kalau kita dapat yang bumbung ini satu hal. Kalau benda-benda lain, kalau ada yang pecah ini, maknanya ada...

Seorang Ahli: *New shaft*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ada apa benda yang macam sekarang ini kita dapati lantai itu pecah. Maknanya ada juga pemeriksaan atas dia punya kerja profesional tadi, profesionalisme dia itu.

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: Tuan Pengerusi, saya pun bersetujulah. Memang nampaknya apa yang disampaikan tadi ada kelemahan konsultan lakukan. Apa langkah yang perlu diambil sewajarnya?

Tuan Pengerusi: Konsultan ini pernah di-*blacklist* kah atau sebagainya?

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: Tuan Pengerusi, mana-mana konsultan yang melanggar etika profesional memang kita boleh laporkan kepada lembaga disiplin masing-masing. Memang ada kes yang kita laporkan kepada Lembaga dan Lembaga- kes ini belum selesai lagilah. Lembaga akan panggil konsultan tersebut *and then* terpaksa memberi tunjuk sebab ke atas pelanggaran kod etika tersebut.

Then jika ada kes yang paling ketara yang tindakan yang boleh diambil oleh Lembaga adalah gantung lesen konsultan tersebut.

Datuk Seri Azmi bin Lateh [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pelajaran), Kementerian Pendidikan Malaysia]: Sebagai tambahan Tuan Pengerusi, cuma daripada segi pentadbiran konsultan-konsultan yang sedemikian rupa *in future* memang kita tak akan *put in our list for the new project*.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Dalam segi pentadbirannya lah. Akan tapi undang-undang tak boleh.

Tuan Pengerusi: Okey, teruskan.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kesebelas, penemuan audit. Adalah didapati kerja pembinaan di kesemua SMKA tidak dilaksanakan dengan memuaskan. Maklum Balas daripada KPM, semua kerja pembaikan telah siap dilaksanakan di ketiga-tiga SMKA tersebut.

■1150

Dalam semua kontrak konvensional, terdapat tempoh tanggungan kecacatan iaitu dalam tempoh satu tahun tiga bulan 14 hari dari tarikh siap kerja atau CPC. Pihak kontraktor diwajibkan untuk membaiki kecacatan tersebut dan jika tidak dilaksanakan, pihak KPM boleh melantik pihak ketiga untuk melaksanakan pembaikan tersebut dan segala perbelanjaan ditanggung oleh pihak kontraktor.

Ke-12, penemuan Audit. Lawatan pada bulan Januari, Mac dan April 2015 ke ketiga-tiga sekolah tersebut mendapati ada kerja binaan dan pembekalan peralatan yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan tiada perubahan kerja atau APK terhadap penyimpangan tersebut dapat disemak. Maklum balas KPM. Semua kerja dan peralatan telah selesai dilaksanakan. Dalam penyeliaan tapak, pihak perunding dibayar untuk melantik sama ada *resident architect* (RA) atau *resident engineer* (RE) atau *inspector of work* (IOW) untuk memantau kerja-kerja supaya tidak menyimpang dari lukisan kontrak, senarai kuantiti dan kerja-kerja spesifikasi.

Ke-13, penemuan audit. Lawatan ke Sekolah Sheikh Haji Othman mendapati berlaku kelunturan warna cat di bahagian luar dinding bangunan di Blok Pentadbiran, Blok Asrama dan juga Blok Akademik. Produk cat yang dibekalkan masih dalam tempoh waranti bermula 15 November 2013 hingga 14 November 2019 iaitu selama enam tahun. Maklum balas KPM. Kerja mengecat telah selesai dijalankan ke atas sekolah yang disebutkan tersebut.

Ke-14, penemuan Audit. Bumbung Sekolah Sheikh Haji Othman yang dipasang pada 15 November 2013 telah mengalami kelunturan warna menyebabkan terdapat dua warna pada bumbung tersebut. Tempoh jaminan bumbung tersebut adalah lima tahun. Bagaimanapun, tindakan mengecat semua oleh pihak kontraktor akan dilakukan mulai bulan Mei 2015 hingga Disember 2015... [Disampuk] Telah ya? Maklum balas KPM. Kerja mengecat telah selesai dijalankan ke atas sekolah tersebut.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ini sedikit KSU. Ini orang Sarawaklah ini [Ketawa] Syor ini. Satu, bagaimana boleh terjadi dua warna bumbung itu? *Roofing* dia ini metal *roofing* kan? Selalunya ia cat dalam kilang kan? Metal punya *color bonding* sekali. Yang dia buat cat sekali ini dia buat macam

mana? Dia lapis sahaja kah dari atas cat biasa atau *it's a original color* yang *bonding* daripada kilang? Macam mana?

Tuan Pengerusi: Ini Sarawak jawab. Macam mana warna itu keluar? *[Ketawa]*

Encik Abdul Halim bin Abang Naili [Ketua Cawangan Pembangunan (Seksyen Pendidikan Sarawak), Kementerian Pendidikan]: Sebenarnya dua warna keluar itu kerana disebabkan oleh sebahagian daripada cat yang baru itu dia nampak lebih terang daripada yang bersebelahan dengan blok tersebut. *So, it look quite obvious.* Di pihak kementerian kita minta supaya kerja-kerja mengecat itu memang kita teruskan sehingga tempoh waranti tamat. *So, actually* macam kita jamin, *in logical point of view* kalau kita cat kenderaan pun *if you just* cat satu pintu *compare with the next one, it look different a little bit.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *My* soalan itu memanglah dia cat kalau... *[Berucap dalam bahasa Sarawak]* Cakap Sarawak sikit dengan orang Sarawaklah. Akan tetapi, yang mula-mula itu memang dia *color bonding* daripada metal, kan? Yang cat baru ini lapis luar kah atau ditukar atap itu, dia bawa *or spray* sahaja?

Encik Abdul Halim bin Abang Naili: Dia cat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Dia cat sahajalah? Berapa tahun boleh tahan itu? *[Ketawa]*

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Saya teruskan Yang Berhormat.

Ke-15, penemuan Audit. Saiz sesalur lif atau *lift shaft* di Blok Akademik yang dibina oleh kontraktor utama tidak memenuhi ketegakan atau *verticality* yang diperlukan atau lebih kecil berbanding saiz yang ditetapkan di dalam kontrak. Sesalur yang dibina adalah tidak sekata. Ini berkaitan dengan Sekolah Agama Al-Mashoor. Maklum balas daripada KPM. Pihak-pihak yang terlibat dengan kesilapan telah dikenakan tindakan punitif terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab. Kos yang ditanggung telah dibahagikan seperti berikut:

- (i) kontraktor, 50 peratus;
- (ii) pembekal lif, 25 peratus;
- (iii) perunding C&S, 10 peratus;
- (iv) perunding M&E, 10 peratus; dan
- (v) perunding arkitek, 5 peratus.

Di samping itu, Pelarasan Harga Kontrak (PHK) bagi pengurangan kos juga telah dibuat ke atas kontrak ini.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: KSU, hendak tanya *on this part.* Macam mana boleh terjadi? *In the first place* apa *explanation* dia orang?

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Saya minta pegawai yang *in charge* itu *[Ketawa]* Teknikal. Ini lif kita yang tidak berapa tegak ini *[Ketawa]*

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Pada pandangan kita, punca utama adalah *workmanship* kontraktor yang mana sebab itu bila kita tengok dari segi kos yang

ditanggungkan itu kontraktor kita kenakan 50 peratus daripada kos punitif. Maksudnya kualiti pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor utama itu tidak menepati apa yang terdapat dalam lukisan, yang mana saiz *lift shaft* tersebut tidak menepati lukisanlah. Ada yang sehingga lebih kurang 235 mm lari daripada saiz sebenar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Saya rasa Tuan Pengerusi, Kementerian Pendidikan ialah sebuah kementerian yang banyak pengalaman membina banyak sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah menengah atas atau apa-apa sahaja. Akan tetapi, kita lihat kecacatan yang berlaku di sekolah menengah agama ini kita rasa kita ada sedih sedikitlah. Ini kita akan dilihat nanti seolah-olah kita tidak memberikan satu perhatian khusus kepada bidang keagamaan dan nama kerajaan dan nama baik kerajaan akan terpalit. Bukan sahaja tentang kita tengok lanjutan masa yang susah kita hendak terima, 900 hari atau 965 hari. Ini kerana kementerian yang mempunyai banyak pengalaman buat sekolah. Akan tetapi, kena sekolah agama dia banyak masalah.

Tentang lif ini, walaupun tindakan punitif telah dibuat tetapi daripada asal, daripada awal tadi apabila masa *drawing* itu. Macam mana kita boleh terima *drawing* yang telah dibuat oleh konsultan? Habis kita boleh terima pula. Habis kita boleh buat. Masalah pula bila tengok ada ketegakan atau *verticality* dia bermasalah. *Something that we cannot accept. You know, even if you have to punish them but damaged is done and it is quite difficult for you to know, to do any good on-* susah hendak terimalah perkara macam ini. Kita tahu kalau tindakan tatatertib memang patut. Saya setuju. Akan tetapi, daripada awal sekali kesilapan kita.

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: Okey Tuan Pengerusi. *Actually, drawing* atau lukisan yang disediakan oleh konsultan itu memang bertepatan dengan apa yang kita perlukan. Cuma masa pembinaan. So, bila pembinaan itu kontraktor tidak mematuhi *dimension* lukisan yang sebagaimana termaktub dalam kontrak. Di situlah ada berlakunya *diversion* daripada *drawing* yang diluluskan dalam kontrak, sebagaimana dalam kontrak.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kita ada Pegawai Pengawal, kan? Pegawai yang sentiasa buat pemeriksaan.

Tuan Pengerusi: *On site.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *On site.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Macam mana pula dengan *lift supplier*? Dia tidak ada lawat kah untuk hendak pastikan. Sebab lif ini dia bukan *on the shaft*. Betul tidak? Lif ini tempahan. Mesti dia pergi tengok sana berapa. Kalaupun ada pengurangan, dia balik kilang dia kurangkanlah untuk memuatkan. *I mean this is on the shaft, lah.*

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: Okey Yang Berhormat. Sebab itu, kalau kita tengok langkah punitif itu. Pembekal lif yang *second*, (b) itu, kita kenakan yang kedua tingginya. Patut pembekal lif ini datang ke tapak *and then* sentiasa buat pemeriksaan *lift shaft* tersebut. *So...*

Tuan Pengerusi: Dari segi *dollar and cent* nya berapa dia orang kena?

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: Untuk dari segi *dollar and cent* nya, kos modifikasi itu RM280,000 *and then cost omission* kepada kontrak ini RM186,000.

■1200

Tuan Pengerusi: Sekarang ini lif sudah okeylah, *functional*?

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: Cuma lif itu kalau ikut kontrak untuk 15 penumpang tetapi semenjak— dengan *lift shaft* yang tidak mengikut spesifikasi ini kita kurangkan kepada 10 penumpang. Jadi kita kecilkan lagi...

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Dia ada 10 lif kesemuanya dalam blok berasingan. Yang masalah ini empat lif, dua lif satu blok, dua lif satu blok. *The rest is* blok lain, yang okey blok lain. Jadi sebagai *remedy*-nya *instead of* 15 penumpang- jadi oleh kerana ruang itu sudah tidak sama melencong, jadi dia ambil tindakan mengecilkan saiz lif kepada 10 penumpang sahaja. Jadi dua-dua, jadi empat lif. Jadi maknanya penumpang kita kerugianlah daripada 15 penumpang jadi 10 sahaja. Yang enam lagi lif itu okey, yang blok berasingan itu okey. Blok pentadbiran dengan blok akademik yang saya katakan tadi kurangkan penumpang lif.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Jadi ertinya di sini kontraktor *whatever*-lah secara menyeluruh tidak kira bahagian masing-masing semua kena *deducted*-lah, kena potong semua *and then* satu hendak tanya lagi dia ada berapa blok tadi KSU? *Different block*...

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Dia ada blok asrama, blok pentadbiran, blok akademik dan blok kuarters.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ini tanya sahajalah. *Subcon* orang sama tak atau blok ini lain *subcon*, blok ini lain *subcon*. Kalau satu- kalau kontraktor yang buat satu blok, dia semua *subcon* yang sama dia memang tahu. Kalau dia ini lain orang, ini lain orang, ini lain orang, itu yang tidak jadi-jadi itu [*Ketawa*] Itu...

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: Yang Berhormat, *actually subcon* memang kita tidak tahu tetapi kalau kontraktor memang kontraktor yang sama, kalau *main con*.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Menghairankan.

Tuan Pengerusi: Dia empat blok.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Dua boleh salah, yang dua pula betul.

Tuan Pengerusi: Sebenarnya, lif ini sudah habis. *Haf* besar itu habis dah. [*Ketawa*] Berapa lif tadi?

Seorang Ahli: 10.

Tuan Pengerusi: 10.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Maknanya empat itu memang lif tidak ada, *haf* besar tidak ada dah, dia kena buat kecil.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Terpaksa saiz lif dikecilkan sebab lubang itu saiz itu sahaja. Lubang lif itu kecil sahaja, jadi terpaksa kecilkan lif. Saiz lif itu.

Tuan Pengerusi: Tidak, bukan itu, lif itu tidak ada. Lif yang besar itu tidak ada, habis dah [Ketawa] Itu jadi kecil, tak ada saiz. Kita berfikir di mana lif itu dia pakatlah kontraktor dengan lif, berpakatlal itu [Ketawa]

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Sekolah kita Yang Berhormat kita jarang ada bangunan tinggi ini. Ini *nine-storey building*. Jadi sekolah kita...

Tuan Pengerusi: Potong pun tidak apa- saya ada- sudah habislah yang besar, tinggal yang kecil sahaja ada. Itulah punca- *common sense*-lah. *You should know why*, tidak akanlah silap.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Saya inilah Tuan Pengerusi, KSU. Walaupun memang betul benda ini kita potong sana dari segi *cost wise*, *deduct* sana, punitif tetapi secara menyeluruh masa kita buat projek kita rancang *we talk about lift is a mean to transport student during waktu biasa*, waktu *emergency*, *there is a fire* dan sebagainya.

Kita kalau melihat dari segi *function*, *function* sudah kurang sudah. Itu kerugian kita di sini dari segi *function*. *This is where mistake actually which money cannot buy or money deduct is one thing but the functional of the system* itu. Itu yang kita kena lihat secara menyeluruh. *It's not about dollar and cent only*. Ambil waktu keselamatan, masa *fire* kalau boleh *you can transport more people* lagi bagus daripada ini, *you know we talk about in the sense*-lah kalau ada terjadi.

Ini sebab semua benda ini di-*design*, direka bentuk bukan hanya melihat *you know the good days but also the emergency* dan sebagainya. Ini kena lihat jugalah. So, punitif itu kadang-kadang *it's just not about dollar and cent*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: *No*, actually *punitive* ini patutnya pembekal lif itu *50 percent*, kontraktor *25 percent*.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Saya ambil maklum pandangan baik tadi.

Tuan Pengerusi: Sepatutnya pembekal lif itu *50 percent*, kontraktor *25 percent*.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Saya ingat kontraktor tambah lagi 80 peratus [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Atau pun sama. *I'm sure that* lif itu pun tidak ada. *I'm very sure* lif itu tidak ada sudah.

Datuk Seri Azmi bin Lateh: Macam pembekal sahaja itu tidak ada.

Tuan Pengerusi: Pembekal itu tidak ada. *I'm very sure you check* ini. Dia pakat sahaja itu. Betul tak pengarah projek? [Ketawa]

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: *Engineer* okey?

Tuan Pengerusi: Betul tak pengarah projek ?

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Tidak ada komen.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh komen [Ketawa] Okey, teruskan.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Okey, terima kasih atas pandangan Yang Berhormat tadi. Yang 16, 17 ini sama Yang Berhormat. 16 ini yang kita cakap tadi empat lif yang terlibat tadi, jawapan pun sama juga. Yang ke-17, sama juga daripada 15 penumpang kurang kepada 10 penumpang untuk atasi masalah semasa.

Saya terus kepada 18. 18 ini laporan kecacatan di Sekolah Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab menunjukkan kerosakan dan kecacatan tertunggak atau berulang belum diambil tindakan walaupun telah dibangkitkan oleh sekolah semasa dalam tempoh DLP. Tempoh DLP telah tamat pada 14 November 2014, namun kerosakan dan kecacatan tersebut masih belum dapat diselesaikan. Maklum balas KPM. Semua kerja penyiapan DLP telah disiapkan sepenuhnya pada bulan September 2015.

Next, 19 penemuan Audit. Terdapat kelemahan dalam perkhidmatan yang diberikan oleh perunding antaranya adalah penyediaan reka bentuk pembinaan atau perabot yang tidak praktikal dan tidak sesuai, terdapat perubahan kerja yang tidak dikemukakan kepada kementerian bagi kerja-kerja pembinaan dan pembekalan peralatan atau perabot yang tidak mengikut lukisan dan spesifikasi/BQ untuk penilaian dan kelulusan Pegawai Penguasa.

Maklum balas KPM. Untuk pengawalan perkhidmatan perunding yang lebih ketat. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan penggunaan *Consultancy Service Agreement* (CSA) yang disebut oleh *Engineer* tadi dan menggantikan *Memorandum of Agreement* (MoA) semenjak 10 Jun 2014- CSA tersebut mengandungi klausa-klausa yang boleh diambil tindakan punitif terhadap kelemahan perunding.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: KSU.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Ya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tadi pasal balik kepada *shaft lift* tadi. Macam mana komen bomba apabila ada pengecilan *all this because* semua bangunan sebelum dibangunkan mesti *go through* bomba. *What is* bomba punya komen dalam pengecilan lif ini sekarang? Kita hendak tahu juga bomba dan keselamatan. *Have to go through* betul tak.

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: *Have to go through* tetapi sekarang sekolah ini memang sudah digunakan *and then* kita pun sudah- sebelum Sijil Siap Kerja (CPC) kita keluarkan kepada kontraktor memang kita jemput bomba untuk melaksanakan *testing and commissioning* untuk sistem-sistem mekanikal dan sistem yang terlibat secara langsung dengan bomba.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Yang lif tadi *they said* pengecilan okeylah, *no problem*.

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: Sudah luluslah *as* bangunan ini tidak boleh beroperasi sehingga sekaranglah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okey.

Tuan Pengerusi: Satu lagi hendak tanya. *Technical chain* dekat kementerian ini dia dipinjamkan daripada JKR.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: JKR.

Tuan Pengerusi: JKR betul? Ataupun *you in the appointment...*

Datuk Seri Azmi bin Lateh: Tidak. Dia panggil macam jawatan kader Yang Berhormat Tuan Pengerusi maknanya pegawai-pegawai itu daripada JKR, jawatan itu di kementerian. So, dalam istilah perkhidmatan ini dia panggil jawatan kader maknanya pegawai JKR dipinjamkan, diletakkan di kementerian.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Okey, terima kasih. Saya teruskan nombor 20 bagi Sekolah Menengah Agama Keningau telah menerima peralatan *workstation* guru bernilai RM420,000. Walau bagaimanapun, sekolah sekali lagi menerima set meja guru dan *pedestal* bernilai RM47,250 buat kali kedua daripada JPN Sabah menyebabkan peralatan berlebihan dan tidak digunakan.

Maklum balas KPM. Lebihan peralatan *workstation* guru di Sekolah Keningau ini sebanyak 75 buah telah diagihkan ke beberapa buah bilik di sekolah yang sama. Jadi pecahan seperti mana dalam *slide* itu ke bilik-bilik yang lain di sekolah yang sama. Maknanya diguna pakai Yang Berhormat. Okey, *next*.

Okey, 21 penemuan audit. Semakan audit ke atas Sekolah Al-Mashoor terhadap 16 sampel baucar bayaran mendapati empat baucar bayaran yang bernilai RM279,069.84 telah dibayar tanpa disertakan Sijil Pengujian dan Pentauliahan (SPP).

Maklum balas KPM. Pengujian dan pentauliahan telah dibuat dan Sijil Pengujian dan Pentauliahan (SPP) bagi empat baucar berkenaan telah dikeluarkan. Bagi peralatan muzik bukan elektrik dan elektronik, SPP tidak diperlukan.

■1210

Okey 22, penemuan audit. Sebanyak 19 unit peralatan bernilai RM134,980 di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Keningau masih belum digunakan, antaranya adalah peralatan dapur memasak di dewan makan. Maklum balas KPM, bagi SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab dan SMKA Keningau, pada masa ini peralatan dapur memasak, periuk dan peralatan dapur telah digunakan oleh katerer. Sebagai langkah penambahbaikan, KPM telah memasukkan syarat wajib penggunaan peralatan memasak yang disediakan oleh pihak sekolah kepada katerer dalam spesifikasi tender pembekal makanan bermasak. Ini gambar-gambar yang peralatan di dapur... *[Menunjukkan salinan slaid]*

Okey 23, penemuan audit. Pemantauan terhadap kerja pembinaan yang dibuat oleh perunding adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat banyak kelemahan dalam pelaksanaan projek. Maklum balas KPM. Pihak KPM telah mengetatkan pemantauan terhadap projek-projek pembinaan yang telah dibuat melalui beberapa mekanisme seperti yang berikut:

- (i) mesyuarat tapak;
- (ii) mesyuarat teknikal perunding dan klien;
- (iii) mesyuarat penyelarasan projek;
- (iv) mesyuarat pemantauan projek lewat jadual;
- (v) Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian;
- (vi) Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit;
- (vii) lawatan turun padang; dan
- (viii) penguatkuasaan klausa kontrak dan *Consultancy Service Agreement (CSA)* terhadap perunding.

Sebagai langkah punitif, pihak konsultan boleh diambil tindakan berdasarkan klausa-klausa baru dalam CSA yang dilaksanakan 2014. Itu sahaja Yang Berhormat, yang boleh saya...

Tuan Pengerusi: Ini kita dapati syarat-syarat untuk menjadi konsultan ini macam mana di dalam yang keluaran selalu lima tahun. Saya nampak projek-projek yang tidak berapa berjaya selalu, mudah-mudahan konsultan dia. Betul tidak Yang Berhormat? Yang Berhormat ini *engineer* JKR 21 tahun, 20 tahun...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: 22 tahun, Yang Berhormat Limbang ini *engineer*. Dia *engineer* 20 tahun dengan JKR. Konsultan, saya nampak konsultan selalu yang- mungkin masa projek banyak dahulu cepat dapat kita *release* konsultan ini. Macam mana agaknya?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *One thing* Tuan Pengerusi, *consultant is supposed to take over the role of JKR* yang dahulunya. Sejak kita merdeka dahulu, semua JKR buat sendiri teknikal ini bukan. *So consultant, works expand*, kerja banyak, JKR pun sudah tidak mampu, *so this where are all the license professional consultant to takeout the jobs and to follow all the rules* dari segi *ethic* sampailah ke hasil kerjanya. *That is what supposed to do*. Itu yang *my comment, whether...*

Tuan Pengerusi: Konsultan enam tahun punya servis...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Oh yes, ada. Hendak *apply to become a professional engineer* you need all those *requirement*. Banyak *requirement* dia *you know*, memang banyak. Mungkin yang tidak dapat dibeli ini ialah pengalamanlah, yang tidak boleh dibeli adalah pengalaman. *You can be in service for two years, three years and then you open up, you know you get a license* tetapi pengalaman *is over time*. Itulah *my* komen. Pengalaman ini tidak boleh beli, mesti ikut masa.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Saya rasa ada juga Yang Berhormat, *good governance* di dalam syarikat-syarikat atau pihak arkitek itu sendiri atau konsultan itu sendiri. Dia ada nama besar, tetapi yang melaksanakan di bawah ini mungkin *junior engineer or architect and so on*, dia tidak patuh pada atas. *So that happening* dan saya perhatikan selama tujuh, lapan bulan di kementerian ini banyak masalah konsultan daripada bila saya turun padang saya dapati dia tidak berjumpa. Dalam kes ini pun sama, yang lif ini. Konsultan dengan kontraktor tidak boleh bercakap. *It is surprised me* bila dapat *feedback* dia tidak boleh bercakap. Maknanya konsultan tidak main peranan, kontraktor pun tidak boleh rujuk kepada konsultan. Ini satu contoh yang saya kata *good governance* tadi di dalam industri itu sendiri.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *The contract management is poor*.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Saya Yang Berhormat. Mungkin Ir. Drazif *want to share*.

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: Yang Berhormat, mengenai tempoh masa untuk menjadi seorang profesional konsultan ini, kalau ikut BEM iaitu *Board of Engineers Malaysia*, punya syarat-syarat sekarang, *that* sebelum seseorang jurutera *to sit for the professional exam*, dia perlu diawasi oleh jurutera profesional selama empat tahun minimum. *So*, itulah barulah dia boleh untuk *sit* untuk sebagai jurutera profesional. Jadi saya ingin menyambung pada sebagaimana yang dimaklumkan oleh Dato' Sri KSU tadi, memang yang prinsipal untuk *company* tersebut memang *senior engineer* ataupun *senior architect*. Akan

tetapi bila berurusan dengan jabatan ataupun sebagai *resident engineer* ataupun *resident architect* di tapak, itu memang junior, pengalaman yang kuranglah. Itu kes-kes yang kita dapati berlakulah.

Tuan Pengerusi: Ada apa-apa lagi Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bolehkah KPM bagi kita tahu misalnya di tahun 2015 dan tahun 2016 itu, berapa projek pembinaan KPM dan jumlah wang yang diperuntukkan pada keseluruhannya. Bilangan kecuali yang dibangkitkan oleh pihak Audit, berapa yang didapati ada kelemahan yang besar, berapa?... *[Disampuk]* Tidak apa, tidak apa. Tindakan yang diambil terhadap konsultan dan juga kontraktor bagi projek-projek yang menghadapi masalah? Saya ingat berapa bilion itu. Berapa bilion?

Dato' Khalid bin Abu Bakar [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Pelajaran), Kementerian Pendidikan]: Yang Berhormat, for RP1 Rancangan Malaysia Kesebelas berjumlah sekitar RM2.033 bilion, *then* bagi RP2 sebanyak RM1.096 bilion. Jadi, senarai projek yang ada pada kita sekarang ini dalam lingkungan 900 projek.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Khalid bin Abu Bakar: Sedang dan akan dilaksanakan, 900 lebih projek dalam pelbagai peringkat *progress*.

Dr. Tan Seng Giaw: Untuk tahun berapa?

Dato' Khalid bin Abu Bakar: *Since last year* RP1 dan *this year*. *This continuity*, ada yang *continuous*, masih lagi berterusan.

Dr. Tan Seng Giaw: Jadi, RM2 bilionlah itu.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: Okey Yang Berhormat, untuk tindakan kepada konsultan memang kita ada buat laporan kepada lembaga sebagaimana yang saya maklumkan tadi yang mana terlibat secara langsung dengan MoA, yang perjanjian lama. So perjanjian baru ini memang kita belum ada apa-apa lagi yang- cuma ada satu, di Pulau Pinang kita ada *terminated* satu konsultan berdasarkan CSA ini. Bila CSA ini, kita ada klausa yang boleh tamatkan. Memang kita ada tamatkan jurutera awam di sekolah Pulau Pinang. Untuk kontraktor yang prestasi kontraktor yang tidak memuaskan, memang dalam kontrak kita ada klausa-klausa yang boleh menamatkan kontraktor tersebut. Kos untuk menyiapkan kerja-kerja yang tertinggal, kita akan *back charge* balik kepada kontraktor asal. Itu memang ada dalam syarat-syarat kontrak.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: KSU, ini lain sedikit tetapi bagus jugalah audit pun ada sini. *There is one very critical project in my place. I think everybody know*, SK Tanjung yang *famous* itulah. Jadi dia macam ini KSU, dia sekarang dalam pembinaan. Sekarang ini mereka tengah tembok tanah. Jadi, dia menuju jalan ke Medamit. Jadi dari pengamatan saya, memang saya orang asal sana, bila namanya hujan lebat, yang mereka sudah *finish* tembok itu, banjir. Jadi saya minta pertolonganlah Kementerian Pendidikan supaya memastikan tadi pengalaman saya, *anything* yang ditembok sana untuk tapak SK Tanjung itu yang sekarang ini, *anything lowered than the road level*, mesti banjir punya

walaupun *after consolidation*. Engineer, you're this one teknikal tahulah. Walaupun telah lepas dicompact, if the finish level is lowered than the road sana itu, kalau hujan lebat lepas ini, banjir. Jadi saya tidak mahulah terjadi, nanti Audit datang pula, sekolah banjir baru siap.

■1220

Akan tetapi *this is true, very frank. I am very frank about this*, jadi sebelum ini terjadi *just to make sure they really finish up the level, the compacted level is up to the wall*, kalau tidak pasti banjir. Ini belum lama, belum lama ini banjir di tapak itu. Jadi saya tidak tahulah kan, *I do not monitor the project* tetapi ini daripada visual yang saya tengok hari itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Cuba *check* itu, sama ada ini konsultan buat kah? Mesti konsultan buat ini, tidak pergi *on site* ini. Konsultan kah ini?

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: *Design and build*.

Tuan Pengerusi: *Design and build?*

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: *Design and build*.

Tuan Pengerusi: Ha! *Design and build* konsultan lah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Saya tidak tahulah kan *whether* tembok itu sudah *up to the level or not* atau masih dalam proses tetapi *just to alert* lah, *just to alert actually*, itu niat sayalah. *That area is subject to flood* kalau below the road. Okay, the finisher level di tepi jalan itu.

Tuan Pengerusi: Cuba *check* lah.

Tuan Haji Ir. Drazif bin Yaacob: Tuan Pengerusi, memang projek ini adalah projek *design and build and then* tempoh masa yang diberikan kepada kontraktor adalah enam bulan. So, yang mana kita menggunakan sistem IBS *lightweight*. Saya ingat kerja-kerja tanah sudah hampir siaplah sekarang. Walau macam mana pun untuk mengatasi masalah banjir dan kita akan minta kontraktor untuk memperbaiki sistem perparitanlah supaya tidak berlaku banjir. *That one* saya akan *convey the message* kepada kontraktor nanti.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Akan tetapi saya minta *check* betul-betul sikit sebab *I think it's not just about the parit you know*, kawasan itu memang agak *low-lying, low-lying area*-lah... [Disampuk] Akan tetapi dalam kontrak itu, saya tidak tengoklah kontrak itu kan, sama ada dia punya *finish level is the same with the existing road level* itulah. Kalau dia sama *level insya-Allah* selamat, jalan itu tidak pernah banjir selama ini.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Buat parit pun tidak boleh ya Yang Berhormat?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ha?

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Gali parit dalam pun tidak boleh juga.

Tuan Pengerusi: Baik begini Yang Berhormat...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *I can't answer for that*. Dalam itu, kalau sebelah itu sungai [Ketawa] Sungai Limbang.

Tuan Pengerusi: *Take this seriously*, kalau terpaksa tambak atau ubah kah, tambak sekaranglah. Kalau parit terpaksa buat VO, VO lah.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Ya, okey. Kita *take note*.

Tuan Pengerusi: Asalkan projek itu tidak- kalau kena VO, VO lah...

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: *Insyah-Allah*.

Tuan Pengerusi: Supaya tidak gagal.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Kita tambah EOT sikitlah, enam bulan lagi. *Insyah-Allah*

[Ketawa]

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tidak apa, lambat sikit tidak apa tapi lepas itu pahat tidak berbunyi ya, sudah siap.

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Saya faham, saya faham. *Insyah-Allah*.

Tuan Pengerusi: *Written you know*, Kalau *you* tidak buat ini *can be charge*. Mesti *minted*. Tidak apa VO, VO lah boleh kita tahu *because it's from...* *[Disampuk]* Ada apa-apa lagi Yang Berhormat? Tidak ada? Bagi pihak PAC kita ucapkan terima kasih kepada Dato' Sri dan pegawai-pegawai daripada Kementerian Pendidikan. Kita faham Kementerian Pendidikan ini adalah kementerian yang besar, banyak belanja wang, Kementerian Kesihatan pun kena banyak belanja wang. Walau bagaimanapun soal-soal teknikal dan pengurusan itu tidak harus diabaikanlah walaupun kita banyak projek.


Kementerian Pendidikan buat sekolah sana sini, buat universiti tetapi kita faham, kita kena *strict* sikit dengan konsultan ini. Konsultan saya nampaklah, betul tadi yang mana junior kadang-kadang *on site, very junior on site*. Pengalaman tidak ada. Jadi *the principle* mesti bertanggungjawablah, kita kena diberitahu. Ini yang kita nampak senget, dia punya plaster pun tidak cantik, *supervision* tidak ada, *bergelegeh* kadang-kadang, bahasa orang Pahang '*bergelegeh*'- memang tidak cantiklah. Tengok pun tidak cantik, kerana *supervision* lah.

Sudahlah pekerja tidak mahir, jadi itulah. Jadi kita ada siapkan makan tengah hari, kanan terus ke sana nanti. Semua dijemput makan tengah harilah. Okey, terima kasih. Ada apa-apa KSU hendak cakap?

Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad: Bagi pihak KPM Tuan Pengerusi PAC, dan Ahli Mesyuarat PAC, saya merakamkan ucapan terima kasih dan kami berbangga di atas segala perhatian dan juga nasihat oleh PAC tadi dan kita akan ambil sebagai langkah-langkah pembaikan untuk pihak kementerian. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Pengerusi: Ya, baik. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pukul 12.24 tengah hari]



**DOKUMEN
PEMBENTANGAN**

 **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014 SIRI 3**
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN
- DIBENTANG DI DEWAN RAKYAT PADA 23 NOVEMBER 2015 

TAKLIMAT HASIL PENGAUDITAN TERHADAP
PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA DAN
KEMUDAHAN LAIN YANG BERKAITAN
(KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA)
UNTUK
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)


18 APRIL 2017 **JABATAN AUDIT NEGARA**

 **LATAR BELAKANG** 2

SMKA (P) Al-Mashoor, Pulau Pinang 

SMKA Keningau, Sabah 



3
SMKA



SMKA Sheikh Haji Othman Abd Wahab (SHOAW), Sarawak

 LATAR BELAKANG			
<p>Di bawah RMKe-9 dan RMKe-10, sejumlah RM455.61 juta telah diluluskan bagi membina 7 buah lagi SMKA dan 1 blok gantian bagi SMKA Al-Mashoor. Pelantikan Kontraktor bagi projek pembinaan SMKA dibuat secara rundingan terus atau tender terhad. Butiran lanjut pembinaan SMKA adalah seperti jadual berikut:</p>			
SEKOLAH	JENIS PEMBINAAN	KONTRAKTOR	KOS KONTRAK (RM Juta)
SMKA Pagoh	Sekolah Baru	Pakatan Bidara (M) Sdn Bhd	75.00
SMKA Haji Mohd Yassin	Sekolah Baru	Belum dilantik	50.51
SMKA Kuala Lipis	Sekolah Baru	Iliasco Corporation Sdn Bhd	75.00
SMKA Putrajaya	Sekolah Baru	Belum dilantik	50.34
SMKA Keningau*	Sekolah Baru	Public Reliance Corporation Sdn Bhd	69.73
SMKA Tun Said	Sekolah Baru	Harvest Construction Sdn Bhd	18.52
SMKA Sheikh Haji Othman Abd Wahab*	Sekolah Baru	I-Ilham Corporation Sdn Bhd	73.32
SMKA (P) Al-Mashoor*	Blok Gantian	Anzul Enterprise Sdn Bhd	43.19
JUMLAH			455.61
<p><i>Nota: * SMKA yang telah siap dibina pada tahun pengauditan dan dipilih sebagai sampel audit melibatkan RM186.24 juta</i></p>			

 SKOP PENGAUDITAN	
<p>SKOP PENGAUDITAN:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meliputi objektif projek, kaedah perolehan, pematuhan kepada syarat kontrak, kualiti binaan dan spesifikasi kerja berkaitan serta penggunaan kemudahan dan peralatan yang disediakan bagi tempoh tahun 2013 hingga bulan Februari 2015. • Pengauditan telah dijalankan di: <ul style="list-style-type: none"> ✓ Bahagian Pembangunan Pelajaran Kementerian; ✓ Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak; dan ✓ 3 sekolah (37.5%) iaitu SMKA (P) Al-Mashoor, Pulau Pinang; SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Sarawak dan SMKA Keningau, Sabah. 	



PENEMUAN AUDIT		
PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	STATUS TERKINI
(Perenggan 20.5.2.2.) Surat Setuju Terima (SST) lewat dikeluarkan selama 34 dan 90 hari.	<p>SMKA Keningau: KPM telah mewujudkan Seksyen Pendidikan Sabah untuk memantau dan menyelaras projek.</p> <p>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab: Kementerian telah menyemak semula prosedur dan membuat penambahbaikan dalam tatacara pengeluaran SST.</p>	Selesai. KPM telah membuat penambahbaikan bagi proses pengeluaran SST.
1		

PENEMUAN AUDIT (Samb...)		
PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	STATUS TERKINI
(Perenggan 20.5.2.3.) Kontrak projek pembinaan lewat ditandatangani antara 113 hingga 209 hari.	<p>SMKA (P) Al-Mashoor: Kementerian mengaku berlaku kelewatan</p> <p>SMKA Keningau:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan tandatangan dokumen kontrak disebabkan terdapat beberapa pindaan lukisan kontrak perlu dibuat sebelum ianya dipersetujui. • Kementerian telah menyemak semula prosedur dan membuat penambahbaikan terhadap tatacara pentadbiran kontrak 	Selesai. KPM telah membuat penambahbaikan bagi tatacara pentadbiran kontrak.
2		

PENEMUAN AUDIT (Samb...)		
PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	STATUS TERKINI
<p>(Perenggan 20.5.2.4.) <i>As-Built Drawing</i> lewat dikemukakan kepada Kementerian antara 109 [SMKA (P) Al-Mashoor] dan 559 hari (SMKA Keningau), manakala sehingga 31 Mei 2015, <i>As-Built Drawing</i> bagi SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab masih belum dikemukakan.</p>	<p>SMKA Al-Mashoor: <i>As-Built Drawing</i> telah dikemukakan dengan lengkap ke KPM pada 25 Mei 2015. <i>As-Built Drawing</i> tersebut juga telah dijilidkan bersama Manual Operasi dan <i>Warranty</i> dan ditempatkan di BPP dan sekolah.</p> <p>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab: <i>As-Built Drawing</i> telah dikemukakan ke KPM pada 18 Disember 2015.</p>	<p>Selesai. <i>As-Built Drawing</i> telah dikemukakan.</p>
<u>3</u>		

PENEMUAN AUDIT (Samb...)		
PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	STATUS TERKINI
<p>(Perenggan 20.5.3.1.) Reka bentuk pembinaan/ perabot yang dilaksanakan/dibekalkan adalah tidak praktikal/ tidak sesuai.</p> <p>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Longkang tiada penutup <p>SMKA Keningau:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Panjang bumbung tidak menutup koridor - Longkang tiada penutup 	<p>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab: Penutup longkang telah dibuat.</p> <p>SMKA Keningau: Kerja-kerja pemasangan bumbung telah selesai dilaksanakan.</p>	<p>Selesai. Tindakan telah diambil.</p>
<u>4</u>		

PENEMUAN AUDIT (Samb...)


11


SEBELUM	SELEPAS
	
<p>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab Penutup longkang telah dibuat</p>	
	
<p>SMKA Keningau Kerja-kerja pemasangan bumbung telah selesai dilaksanakan</p>	

PENEMUAN AUDIT (Samb...)


12


PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	STATUS TERKINI
<p>(Perenggan 20.5.3.2.) Kerja pembinaan tidak dilaksanakan dengan memuaskan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kualiti lepaan simen - Kebocoran/resapan/limpahan 	<p>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab: Kerja-kerja berkaitan telah pun dibaiki dan selesai.</p> <p>SMKA Keningau: Kerja-kerja pembaikan telah selesai pada 31 Disember 2015.</p> <p>SMKA Al-Mashoor: Projek ini telah siap dan telah memperoleh Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) bertarikh 25 Disember 2015.</p>	<p>Selesai. Kerja-kerja pembaikan telah dibuat.</p>
		5

 **PENEMUAN AUDIT (Samb...)** 13

SEBELUM	SELEPAS
	
<p align="center">SMKA Keningau Kerja-kerja pembaikan siling tandas telah selesai dilaksanakan</p>	



←

 **PENEMUAN AUDIT (Samb...)** 14

SEBELUM	SELEPAS
	
<p align="center">SMKA Shelkh Haji Othman Abdul Wahab Kerja-kerja baik pulih lantai di luar kelas yang telah siap</p>	
	
<p align="center">SMKA Shelkh Haji Othman Abdul Wahab Kerja-kerja baik pulih lantai di dalam kelas yang telah siap</p>	

←

PENEMUAN AUDIT (Samb...) 15

SEBELUM	SELEPAS
	
<p>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab Manhole di Blok Akademik Blok E yang tersumbat telah siap diperbaiki</p>	
	
<p>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab Kerja-kerja baik pulih bumbung surau yang bocor telah siap</p>	


PENEMUAN AUDIT (Samb...) 15

PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	STATUS TERKINI
<p>(Perenggan 20.5.3.3.) Kerja binaan dan perbekalan peralatan yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan tiada perubahan kerja atau APK terhadap penyimpangan tersebut dapat disemak.</p>	<p>SMKA Al-Mashoor: semua Pelarasan Harga Kontrak (PHK) bagi projek telah diluluskan dalam Mesyuarat bertarikh 7 Disember 2015.</p> <p>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab: Peralatan 'mobile scaffolding' telah diserahkan oleh I-Ilham Corporation Sdn Bhd pada 18 Mac 2016.</p> <p>SMKA Keningau: Kerja-kerja pemasangan skirting dan blind curtain telah selesai dilaksanakan pada 31 Disember 2015.</p>	<p>Selesai. Peralatan/Kerja telah dibekalkan/ dilaksanakan.</p> <p style="text-align: center; font-size: 2em;">6</p>

PENEMUAN AUDIT (Samb...)

17

SELEPAS




SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab
Peralatan 'mobile scaffolding' telah diserahkan oleh I-lham Corporation Sdn Bhd pada 18 Mac 2016

←

PENEMUAN AUDIT (Samb...)

18


SEBELUM **SELEPAS**



SMKA Keningau
Kerja-kerja pemasangan *skirting* telah selesai dilaksanakan pada 31 Disember 2015

←

PENEMUAN AUDIT (Samb...) 19


SEBELUM	SELEPAS
	
<p>SMKA Keningau Kerja-kerja pemasangan <i>blind</i> telah selesai dilaksanakan pada 31 Disember 2015</p>	
	
<p>SMKA Keningau Kerja pemasangan <i>tiles</i> di bilik stor kuarters semi-D sudah siap dijalankan.</p>	

PENEMUAN AUDIT (Samb...) 20

SEBELUM	SELEPAS
	
<p>SMKA Keningau Kerja-kerja pemasangan <i>gutter</i> telah selesai dilaksanakan di kuarters semi-D</p>	
	
<p>SMKA Keningau Kerusi berangkaj telah dibekalkan di bilik kesihatan dan pergigian</p>	


PENEMUAN AUDIT (Samb...)		
PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	STATUS TERKINI
<p>(Perenggan 20.5.3.4.) SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab: Kelunturan warna cat di bahagian luar dinding bangunan di Blok Pentadbiran, Blok Asrama dan Blok Akademik.</p>	<p>Kerja mengecat telah dijalankan sepenuhnya ke atas sekolah tersebut. Kerja mengecat telah sempurna sepenuhnya pada 15 September 2015.</p>	<p>Selesai. Kerja telah dilaksanakan.</p>

7

PENEMUAN AUDIT (Samb...)	
<div style="border: 1px solid black; padding: 2px; width: fit-content; margin: 0 auto;">SEBELUM</div> 	<div style="border: 1px solid black; padding: 2px; width: fit-content; margin: 0 auto;">SEBELUM</div> 
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 0 auto;"> SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Kuching, Sarawak Cat Luntur </div>	

←

 PENEMUAN AUDIT (Samb...)		
		23
PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	STATUS TERKINI
(Perenggan 20.5.3.5.) SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab: Bumbung telah mengalami kelunturan warna.	Kerja-karya berkaitan telah selesai sepenuhnya pada 19 September 2015.	Selesai. Kerja telah dilaksanakan.
		8

 PENEMUAN AUDIT (Samb...)	
<div style="border: 1px solid black; padding: 2px; width: fit-content; margin: 0 auto;">SEBELUM</div> 	<div style="border: 1px solid black; padding: 2px; width: fit-content; margin: 0 auto;">SEBELUM</div> 
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin: 0 auto;"> SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Kuching, Sarawak Cat bumbung luntur </div>	
	

PENEMUAN AUDIT (Samb...)		
PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	STATUS TERKINI
<p>(Perenggan 20.5.3.6.) SMKA (P) Al-Mashoor: Pemasangan lif tidak mengikut spesifikasi kontrak.</p>	<p>KPM telah memutuskan bahawa masalah pembinaan dan pemasangan lif disumbangkan oleh semua pihak dan kos kerja-kerja modifikasi ditanggung di antara kontraktor, subkontraktor lif dan perunding.</p> <p>Pelarasan Harga Kontrak No. 14 bagi pengurangan kos pembinaan dinding 'lift shaft' di blok akademik yang tidak mengikut lukisan kontrak dan spesifikasi telah diluluskan.</p> <p>Kerja-kerja pembaikan telah siap dan dokumen Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) dikeluarkan pada 18 Januari 2016.</p>	<p>Selesai.</p>
		9

PENEMUAN AUDIT (Samb...)		
PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	STATUS TERKINI
<p>(Perenggan 20.5.3.7.) SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab: Kerosakan dan kecacatan tertunggak/berulang belum diambil tindakan walaupun telah dibangkitkan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP).</p>	<p>Kerja penyiapan DLP telah siap sepenuhnya pada bulan September 2015.</p>	<p>Selesai.</p>
		10



 PENEMUAN AUDIT (Samb...)		
PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	STATUS TERKINI
<p>(Perenggan 20.5.4.2.) SMKA (P) Al-Mashoor: 4 baucar bayaran yang bernilai RM279,069.84 telah dibayar tanpa disertakan dengan Sijil Pemasangan dan Pengujian (SPP).</p>	<p>Sijil Pemasangan dan Pengujian telah dikemukakan.</p>	<p>Selesai. SPP telah dikemukakan</p>
<u>11</u>		

 PENEMUAN AUDIT (Samb...)		
PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	STATUS TERKINI
<p>(Perenggan 20.5.4.1.) SMKA Keningau: Peralatan berlebihan dan tidak digunakan.</p> <p>Peralatan <i>workstation</i> guru bernilai RM420,000 dibekalkan dalam pakej pembinaan. Pada masa yang sama, set meja guru dan padestal bernilai RM47,250 juga dibekalkan oleh JPN Sabah.</p>	<p>Lebihan meja guru dan padestal dipindahkan ke makmal komputer, bilik mesyuarat, bilik kaunseling, bilik pembantu makmal sains, bilik tetamu dan lokasi lain seperti di lampiran yang dikemukakan.</p>	<p>Selesai. Peralatan telah digunakan.</p>
<u>12</u>		

PENEMUAN AUDIT (Samb...)

SEBELUM

SELEPAS






SMKA Keningau, Sabah
Meja guru telah digunakan



PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	STATUS TERKINI
<p>(Perenggan 20.5.5.1(a)) Sebanyak 19 unit peralatan bernilai RM134,980 masih belum digunakan.</p>	<p>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab: Peralatan telah digunakan</p> <p>SMKA Keningau: Peralatan dapur tidak digunakan kerana rosak</p> <ul style="list-style-type: none"> •2 unit 4 open burner c/w oven below & accessories •1 unit hood type dish washer (top loading) •3 unit stainless steel bain marie c/w 5 nos pan & accessories •Freezer •Rice Cooker •Kawah/Kuali berkarat •Weighing Scale 	<p>Selesai.</p>

 **PENEMUAN AUDIT (Samb...)** 31

SEBELUM	SELEPAS
	
	
<p>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Sarawak Peralatan telah digunakan</p>	

←

 **PENEMUAN AUDIT (Samb...)** 32

SEBELUM	SELEPAS
	
<p>SMKA Keningau, Sabah Peralatan dapur tidak digunakan kerana rosak.</p>	

←

PENEMUAN AUDIT (Samb...)		
PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	STATUS TERKINI
<p>(Perenggan 20.5.6.) Pemantauan yang dibuat oleh perunding untuk memastikan kelancaran pelaksanaan projek adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat banyak kelemahan dalam pelaksanaan projek.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Reka bentuk tidak praktikal - Pengesahan terhadap bayaran kemajuan bagi kerja/peralatan yang tidak mengikut lukisan/spesifikasi - Pengesahan terhadap bayaran kemajuan bagi peralatan yang tidak dibekalkan - Kelemahan pemeriksaan di tapak pembinaan 	<p>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab: Surat tunjuk sebab telah dikemukakan kepada PU Architects Sdn Bhd bertarikh 9 Mac 2017</p> <p>SMKA Keningau: Perunding Arifin Sudin Arkitek tidak dilantik dalam projek baharu KPM sejak 2016. Surat Aduan Kecuaian Perunding juga telah dikeluarkan kepada Lembaga Arkitek</p> <p>SMKA Al-Mashoor: Surat tunjuk sebab telah dikemukakan oleh Bahagian Pembangunan kepada Perunding Farid H.Kamal Arkitek pada 9 Jun 2015.</p>	<p>Selesai. Surat tunjuk sebab dan surat aduan kecuaiian telah dikeluarkan KPM.</p>
		<u>14</u>

PENEMUAN AUDIT (Samb...)		
PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN	STATUS TERKINI
<p>(Perenggan Perenggan 20.5.5.2.) SMKA Keningau: Kemudahan seperti makmal komputer, makmal sains, makmal kimia, makmal fizik, makmal biologi, bilik kerja, bilik masak, bilik sukan dan bilik muzik tidak digunakan.</p>	<p>Makmal yang telah digunakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Makmal Komputer, Makmal Biologi 1 dan 2, Makmal Sains 1 dan 2 dan Makmal Fizik 1. <p>Bilik/Makmal yang belum digunakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bilik Kerja, Bilik Sukan, Bilik Memasak, Bilik Muzik, Makmal Fizik 2 dan Makmal Kimia 1 dan 2. 	<p>Belum selesai. Masih terdapat Bilik/Makmal yang belum digunakan.</p>
		<u>15</u>

 **PENEMUAN AUDIT (Samb...)** 35

 **Bilik Memasak**

 **Makmal Fizik 2**

 **Bilik Muzik**

 **Makmal Kimia 1**

SMKA Keningau
Bilik/Makmal yang belum digunakan 

**Sekian,
Terima Kasih**



Taklimat Kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC)
Penggal Kelima Parlimen Ketiga Belas Bil.9 Tahun 2017

PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA DAN KEMUDAHAN LAIN YANG BERKAITAN BAGI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

- SMKA (P) AL-MASHOOR, PULAU PINANG
- SMKA SHEIKH HAJI OTHMAN ABDUL WAHAB, SARAWAK
- SMKA KENINGAU, SABAH

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ♦ 18 APRIL 2017 ♦ PARLIMEN MALAYSIA

STATUS
PENEMUAN
AUDIT
DALAM
LAPORAN
KETUA AUDIT
NEGARA SIRI
3/2014



STATUS PENEMUAN AUDIT DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3/2014

1

PERKARA DALAM TINDAKAN

1

20.5.5.2
ISU
KEMUDAHAN
TIDAK
DIGUNAKAN

PENEMUAN AUDIT

Kemudahan seperti makmal komputer, makmal sains, makmal kimia, makmal fizik, makmal biologi, bilik kerja, bilik masak, bilik sukan dan bilik muzik SMKA Keningau tidak digunakan sejak sekolah mula beroperasi kerana tiada peralatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) disediakan.

MAKLUM BALAS KPM

Perolehan peralatan sedang dilaksanakan bagi membolehkan kemudahan seperti makmal komputer, makmal sains, makmal kimia, makmal fizik, makmal biologi, bilik kerja, bilik masak, bilik sukan dan bilik muzik digunakan.

STATUS PENEMUAN AUDIT DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3/2014

23

PERKARA TINDAKAN TELAH SELESAI

1

20.5.1.1(a)
ISU
PENCAPAIAN
FIZIKAL

PENEMUAN AUDIT

Projek Pembinaan SMKA (P) Al-Mashoor, SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab (SHOAW) dan SMKA Keningau serta kemudahan lain yang berkaitan telah berjaya disiapkan walaupun melepasi tarikh siap asal. Berdasarkan tarikh siap baru, hanya SHOAW lewat disiapkan.

MAKLUM BALAS KPM

Tiada sebarang lanjutan masa (EOT) diluluskan selepas Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan. Walaupun terdapat EOT diluluskan selepas tamat tempoh kontrak, Kementerian telah mengeluarkan Perakuan Tidak Siap Kerja (CNC) dan ia mematuhi prosedur kontrak.

<p style="text-align: center; font-size: 2em; color: red;">2</p> <p>20.5.1.1 (b) ISU PENCAPAIAN FIZIKAL</p> <hr/>	<p style="text-align: center;">PENEMUAN AUDIT</p> <p>Berdasarkan kontrak, tempoh pelaksanaan bagi 3 projek pembinaan SMKA yang dipilih adalah antara 24 hingga 30 bulan. Bagaimanapun, ketiga-tiga projek telah diluluskan lanjutan masa (EOT) antara 107 hingga 956 hari.</p> <p style="text-align: center; color: green;">MAKLUM BALAS KPM</p> <p>Pihak kontraktor layak mendapat lanjutan masa sekiranya kelewatan bukan berpunca daripada kontraktor berdasarkan kepada syarat-syarat kontrak.</p> <p style="text-align: right;">7</p>
---	--

<p style="text-align: center; font-size: 2em; color: red;">3</p> <p>20.5.1.1 (c) ISU PENCAPAIAN FIZIKAL</p> <hr/>	<p style="text-align: center;">PENEMUAN AUDIT</p> <p>Terdapat 2 EOT lewat dimohon selama 35 dan 97 hari manakala 5 EOT lewat diluluskan antara 37 hingga 260 hari selepas tarikh siap projek. Antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan penyediaan kerja adalah disebabkan kerja-kerja yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan, kelewatan Kementerian meluluskan Wang Peruntukan Sementara (WPS) dan kerja-kerja di luar jangkaan.</p> <p style="text-align: center; color: green;">MAKLUM BALAS KPM</p> <p>Perunding telah mengemukakan permohonan kontraktor untuk lanjutan masa sebelum tarikh siap. Di peringkat Kementerian, ia perlu melalui beberapa proses penilaian iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Perunding; (ii) Pengurus Projek dan Teknikal; dan (iii) Jawatankuasa Lanjut Masa. <p>Setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa, ia dikemukakan semula kepada perunding untuk penyediaan Sijil Lanjutan Masa dan kemudiannya diserahkan kepada Pegawai Penguasa untuk tandatangan.</p> <p style="text-align: right;">8</p>
---	--

4

20.5.1.1(d)
ISU
PENCAPAIAN
FIZIKAL

PENEMUAN AUDIT

Kontraktor telah diberi EOT 1 selama 316 hari bagi SMKA (P) Al-Mashoor disebabkan arahan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 27 Julai 2010 untuk memberhentikan kerja pembinaan kerana permohonan kebenaran merancang pembangunan belum diluluskan.

MAKLUM BALAS KPM

Projek ini telah mendapat 4 EOT dengan keseluruhan tambahan 956 hari. Tarikh siap projek adalah pada 25 Disember 2015 manakala tarikh CMGD adalah pada 25 Disember 2016. Semua isu kelewatan projek selesai dengan perbincangan menerusi Mesyuarat EOT dan Pengecualian Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD).

Penambahbaikan yang telah dibuat adalah semua panggilan tender hanya dibuat setelah Kebenaran Merancang diluluskan oleh PBT.

9

5

20.5.1.1(e)
ISU
PENCAPAIAN
FIZIKAL

PENEMUAN AUDIT

Bagi SMKA Keningau didapati kelewatan meluluskan kerja Wang Peruntukan Sementara (WPS) oleh Kementerian pada 27 November 2012 mengakibatkan EOT terpaksa diberikan kepada kontraktor walaupun kontraktor telah mengemukakan permohonan WPS lebih awal iaitu pada 8 Mac 2012. Kelewatan kelulusan WPS menyebabkan EOT selama 174 hari telah diberikan.

MAKLUM BALAS KPM

KPM telah mengambil tindakan perbaikan untuk memastikan sebarang permohonan yang melibatkan APK/WPS/PHK/KKS diproses segera setelah dokumen lengkap diterima untuk mengelakkan EOT diberikan kepada kontraktor.

Tindakan penambahbaikan yang diambil adalah Mesyuarat APK/WPS/PHK/KKS telah diadakan dengan lebih kerap.

10

<p style="text-align: center; font-size: 2em; color: red;">6</p> <p>20.5.1.2 (b) (ii) ISU PENCAPAIAN KEWANGAN</p>	<p style="text-align: center;">PENEMUAN AUDIT</p> <p>Perubahan Kerja dibuat melalui <i>Architect's Instruction</i> (AI) dan <i>Structural Instruction</i> (SI) Perunding yang melibatkan SMKA (P) Al-Mashoor dan SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab tidak dikemukakan kepada Pegawai Penguasa untuk kelulusan. Berdasarkan AI dan/atau SI tersebut, kontraktor didapati telah melakukan perubahan kerja tanpa sebarang pertambahan/pengurangan kos kerana tiada penilaian dan pengukuran kerja telah dibuat terhadap perubahan kerja berkenaan.</p> <p style="text-align: center;">MAKLUM BALAS KPM</p> <p>SMKA (P) Al-Mashoor Semua perbezaan di antara lukisan dan kuantiti di dalam kontrak telah dibuat pelarasan dan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) bagi projek ini sehingga PHK 14 (terakhir) telah diluluskan pada 7 Disember 2015.</p> <p>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab APK yang dimaksudkan tidak melibatkan sebarang perubahan kos.</p> <p>Penambahbaikan yang diambil ialah bagi kerja-kerja yang menyimpang daripada lukisan kontrak dan senarai kuantiti (BQ), perlu mendapat kelulusan prinsip daripada Pegawai Penguasa terlebih dahulu sebelum memulakan kerja.</p> <p style="text-align: right;">11</p>
---	--

<p style="text-align: center; font-size: 2em; color: red;">7</p> <p>20.5.2.2 ISU SURAT SETUJU TERIMA (SST) LEWAT DIKELUARKAN</p>	<p style="text-align: center;">PENEMUAN AUDIT</p> <p>SST bagi SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab dan SMKA Keningau lewat dikeluarkan dengan masing-masing selama 34 dan 90 hari.</p> <p style="text-align: center;">MAKLUM BALAS KPM</p> <p>KPM mengakui terdapat kelewatan menandatangani SST bagi SMKA Keningau dan SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab akibat daripada pertukaran pegawai.</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan, SOP pengeluaran SST telah diperkemas di mana satu unit di Bahagian Pembangunan Pelajaran dipertanggungjawabkan bagi menguruskan SST untuk mempercepat proses tersebut.</p> <p style="text-align: right;">12</p>
--	---

8

20.5.2.3
ISU
KONTRAK LEWAT
DITANDATANGANI

PENEMUAN AUDIT

Dokumen kontrak projek pembinaan SMKA (P) Al-Mashoor dan SMKA Keningau telah lewat ditandatangani dengan masing-masing selama 113 dan 209 hari.

MAKLUM BALAS KPM

SMKA (P) Al-Mashoor dan SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab

Kelewatan menandatangani kontrak akibat daripada kelewatan proses Pelarasan Harga dan Kadar Harga Kontrak oleh kontraktor.

SMKA Keningau

Kelewatan menandatangani kontrak adalah disebabkan oleh pindaan kepada lukisan pembinaan.

Sebagai langkah penambahbaikan, KPM telah mengarahkan semua perunding memastikan SPP5/2007 dipatuhi. Pelarasan Harga Kontrak juga perlu dimuktamadkan dalam tempoh 60 hari dari tarikh SST. 13

9

20.5.2.4
AS-BUILT
DRAWING LEWAT
DIKEMUKAKAN

PENEMUAN AUDIT

As-Built Drawing bagi SMKA (P) Al-Mashoor dan SMKA Keningau lewat dikemukakan kepada Kementerian dengan masing-masing selama 109 dan 559 hari, manakala sehingga 31 Mei 2015, *As-Built Drawing* bagi SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab masih belum dikemukakan.

MAKLUM BALAS KPM

SMKA (P) Al-Mashoor

As-Built Drawing telah dikemukakan pada 25 Mei 2015 dan dijilidkan bersekali dengan Manual Operasi dan *Warranty* dan ditempatkan di JPN serta sekolah.

SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab

As-Built Drawing telah dikemukakan pada 18 Disember 2015.

SMKA Keningau

As-Built Drawing telah dikemukakan pada 12 Ogos 2015.

Sebagai langkah penambahbaikan, dalam peringkat penyerahan projek, salah satu dokumen yang mesti disediakan oleh kontraktor adalah *As-Built Drawing*, siji-sijil waranti dan juga manual operasi dan penyelenggaraan.

As-Built Drawing juga perlu dikemukakan dalam tempoh 30 hari selepas CPC dikeluarkan dan sekiranya gagal, wang tahanan sebanyak 2.5% daripada 5% WJP tidak akan dikembalikan semasa CPC dikeluarkan. 14

10

20.5.3.1
ISU
REKA BENTUK
PEMBINAAN
YANG TIDAK
PRAKTIKAL/TIDAK
SESUAI

PENEMUAN AUDIT

Adalah didapati beberapa reka bentuk pembinaan/perabot yang dilaksanakan/dibekalkan adalah tidak praktikal/tidak sesuai

MAKLUM BALAS KPM

SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab

Kerja-kerja pemasangan penutup longkang telah selesai.
(Sila rujuk gambar yang dilampirkan).

SMKA Keningau

Kontraktor telah diarah membuat kerja-kerja pembaikan bumbung seperti yang terdapat dalam lukisan kontrak. Kerja telah disiapkan pada 31 Disember 2015.

GAMBAR:
Penutup Longkang Telah Dipasang di SMK Sheikh HJ Othman Abdul Wahab



11

20.5.3.2
ISU
KUALITI KERJA
PEMBINAAN
TIDAK
MEMUASKAN/
SEMPURNA

PENEMUAN AUDIT

Adalah didapati kerja pembinaan di kesemua SMKA tidak dilaksanakan dengan memuaskan.

MAKLUM BALAS KPM

Semua kerja pembaikan telah siap dilaksanakan di ketiga-tiga SMKA.

Dalam semua kontrak konvensional, terdapat tempoh tanggungan kecacatan iaitu dalam tempoh 1 tahun 3 bulan 14 hari dari tarikh siap kerja (CPC).

Pihak kontraktor diwajibkan untuk membaiki kecacatan tersebut dan jika tidak dilaksanakan, pihak KPM boleh melantik pihak ketiga untuk melaksanakan pembaikan tersebut dan segala perbelanjaan ditanggung oleh kontraktor.

17

12

20.5.3.3
ISU
KERJA/
PERALATAN YANG
DILAKSANAKAN/
DIBEKALKAN
TIDAK MENGIKUT
LUKISAN
KONTRAK/
SPESIFIKASI YANG
DITETAPKAN

PENEMUAN AUDIT

Lawatan pada bulan Januari, Mac dan April 2015 ke ketiga-tiga SMKA mendapati ada kerja binaan dan pembekalan peralatan yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan tiada perubahan kerja atau APK terhadap penyimpangan tersebut dapat disemak.

MAKLUM BALAS KPM

Semua kerja dan peralatan telah selesai dilaksanakan. Dalam penyeliaan tapak, pihak perunding dibayar untuk melantik sama ada *Resident Architect (RA)*/ *Resident Engineer (RE)*/ *Inspector of Work (IOW)* untuk memantau kerja-kerja supaya tidak menyimpang dari lukisan kontrak, senarai kuantiti dan kerja-kerja spesifikasi.

18

13

20.5.3.5
ISU
WARNA/CAT
LUNTUR DI
BAHAGIAN LUAR
DINDING
BANGUNAN DI
SMKA SHEIKH
HAJI OTHMAN
ABDUL WAHAB

PENEMUAN AUDIT

Lawatan ke SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab mendapati berlakunya kelunturan warna cat di bahagian luar dinding bangunan di Blok Pentadbiran, Blok Asrama dan Blok Akademik. Produk cat yang dibekalkan masih dalam tempoh waranti bermula dari 15 November 2013 hingga 14 November 2019 iaitu selama 6 tahun.

MAKLUM BALAS KPM

Kerja mengecat telah selesai dijalankan ke atas sekolah tersebut.

19

14

20.5.3.5
ISU
KELUNTURAN
WARNA
BUMBUNG
BANGUNAN
(METAL ROOFING
SHEET)

PENEMUAN AUDIT

Bumbung SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab yang dipasang pada 15 November 2013 telah mengalami kelunturan warna menyebabkan terdapat 2 warna pada bumbung tersebut. Tempoh jaminan bumbung tersebut adalah 5 tahun. Bagaimanapun, tindakan mengecat semula oleh pihak kontraktor akan dilakukan mulai bulan Mei 2015 hingga Disember 2015.

MAKLUM BALAS KPM

Kerja mengecat telah selesai dijalankan ke atas sekolah tersebut.

20

15

20.5.3.6 (b)
ISU
PEMASANGAN LIF
TIDAK MENGIKUT
SPESIFIKASI
KONTRAK DI
SMKA (P) AL-
MASHOOR

PENEMUAN AUDIT

Saiz sesalur lif (*lift shaft*) di Blok Akademik yang dibina oleh kontraktor utama tidak memenuhi ketegakan (*verticality*) yang diperlukan atau lebih kecil berbanding saiz yang ditetapkan di dalam kontrak. Sesalur yang dibina adalah tidak sekata.

MAKLUM BALAS KPM

Pihak-pihak yang terlibat dengan kesilapan telah dikenakan tindakan punitif terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab. Kos yang ditanggung telah dibahagikan seperti berikut:

- (a) Kontraktor : 50%
- (b) Pembekal lif : 25%
- (c) Perunding C&S: 10%
- (d) Perunding M&E: 10%
- (e) Perunding Arkitek: 5%

Di samping itu, Pelarasan Harga Kontrak (PHK) bagi pengurangan kos juga telah dibuat ke atas kontrak ini.

21

16

20.5.3.6 (c)
ISU
PEMASANGAN LIF
TIDAK MENGIKUT
SPESIFIKASI
KONTRAK DI
SMKA (P) AL-
MASHOOR

PENEMUAN AUDIT

Ukuran minima sesalur lif dibina adalah berbeza dengan ukuran minima diperlukan menyebabkan 4 buah lif di Blok Akademik bernilai RMO.84 juta yang telah dibina di kilang tidak dapat dipasang.

MAKLUM BALAS KPM

Pihak-pihak yang terlibat dengan kesilapan telah dikenakan tindakan punitif terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab. Kos yang ditanggung telah dibahagikan seperti berikut:

- (a) Kontraktor : 50%
- (b) Pembekal lif : 25%
- (c) Perunding C&S: 10%
- (d) Perunding M&E: 10%
- (e) Perunding Arkitek: 5%

Di samping itu, Pelarasan Harga Kontrak (PHK) bagi pengurangan kos juga telah dibuat ke atas kontrak ini.

22

17

20.5.3.6 (d)
ISU
PEMASANGAN LIF
TIDAK MENGIKUT
SPESIFIKASI
KONTRAK DI
SMKA (P) AL-
MASHOOR

PENEMUAN AUDIT

Kementerian pada 20 Januari 2014 telah memutuskan kapasiti lif di blok Akademik dikurangkan daripada 15 penumpang kepada 10 penumpang. Tiada lanjutan masa diberikan dan pelarasan harga kontrak akan dibuat akibat pengurangan kapasiti lif.

MAKLUM BALAS KPM

Pihak-pihak yang terlibat dengan kesilapan telah dikenakan tindakan punitif terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab. Kos yang ditanggung telah dibahagikan seperti berikut:

- (a) Kontraktor : 50%
- (b) Pembekal lif : 25%
- (c) Perunding C&S : 10%
- (d) Perunding M&E : 10%
- (e) Perunding Arkitek: 5%

Di samping itu, Pelarasan Harga Kontrak (PHK) bagi pengurangan kos juga telah dibuat ke atas kontrak ini.

23

18

20.5.3.7
ISU
KEROSAKAN ATAU
KECACATAN
DALAM TEMPOH
TANGGUNGAN
KECACATAN (DLP)
YANG BELUM
DIAMBIL
TINDAKAN

PENEMUAN AUDIT

Laporan kecacatan di SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab menunjukkan kerosakan dan kecacatan tertunggak/berulang belum diambil tindakan walaupun telah dibangkitkan oleh sekolah semasa dalam tempoh DLP. Tempoh DLP telah tamat pada 14 November 2014 namun kerosakan dan kecacatan tersebut masih belum dapat diselesaikan.

MAKLUM BALAS KPM

Semua kerja penyiapan DLP telah disiapkan sepenuhnya pada bulan September 2015.

24

19

20.5.3.8
ISU
KELEMAHAN
PERKHIDMATAN
PERUNDING
ARKITEK

PENEMUAN AUDIT

Terdapat kelemahan dalam perkhidmatan yang diberikan oleh perunding antaranya adalah penyediaan reka bentuk pembinaan/perabot yang tidak praktikal dan tidak sesuai, terdapat perubahan kerja yang tidak dikemukakan kepada Kementerian bagi kerja-kerja pembinaan dan pembekalan peralatan/perabot yang tidak mengikut lukisan dan spesifikasi/BQ untuk penilaian dan kelulusan Pegawai Penguasa.

MAKLUM BALAS KPM

Untuk pengawalan perkhidmatan perunding yang lebih ketat, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan penggunaan *Consultancy Service Agreement (CSA)* bagi menggantikan *Memorandum of Agreement (MOA)* semenjak 10 Jun 2014. CSA tersebut mengandungi klausa-klausa yang boleh diambil tindakan punitif terhadap kelemahan perunding.

25

20

20.5.4.1
ISU
PERALATAN
MELEBIHI
KEPERLUAN

PENEMUAN AUDIT

SMKA Keningau telah menerima peralatan *workstation* guru bernilai RM420,000.00. Walau bagaimanapun, sekolah sekali lagi menerima set meja guru dan *pedestal* bernilai RM47,250.00 buat kali kedua daripada JPN Sabah menyebabkan peralatan berlebihan dan tidak digunakan.

MAKLUM BALAS KPM

Lebihan peralatan *Workstation* Guru di SMKA Keningau sebanyak 75 buah telah diagihkan ke beberapa buah bilik iaitu:

LOKASI	KUANTITI
Pusat Sumber/perpustakaan	1
Bilik Cetak	2
Bilik Alat Bantu Mengajar	1
Koperasi	3
Bilik Fail (Bilik Pengurusan Peperiksaan)	5
Bilik Galeri (Bilik Mesyuarat Utama)	4
Bilik PT3 (Bilik Keselamatan)	7

26

MAKLUM BALAS KPM

LOKASI	KUANTITI
Masjid	4
Pejabat Asrama (Asrama Lelaki)	4
Bilik Persediaan Makmal Sains 3	1
Bilik Sedia Makmal Fizik	1
Bilik Sedia Makmal Kimia	1
Bilik Persalinan Perempuan	2
Bilik Peralatan Sukan	1
Bilik Operasi Buku Teks	6
Makmal Komputer 1	14
Makmal Komputer 2	14
Bilik Kesihatan	2
Bilik Kaunseling	1
Bilik Kerja 2	1
JUMLAH	75

27

GAMBAR:

Pengagihan Peralatan *Workstation* Guru Di Bilik-bilik Lain Di SMKA Keningau



Set meja guru yang berlebihan telah dipindahkan ke bilik peperiksaan.



Set meja guru yang berlebihan telah dipindahkan ke bilik komputer.

28

<h1 style="color: red; font-size: 2em; margin: 0;">21</h1> <p style="margin: 10px 0 0 0;">20.5.4.2 ISU PENGURUSAN BAYARAN</p> <hr style="width: 20%; margin: 10px auto;"/>	<h2 style="text-align: center; margin: 0;">PENEMUAN AUDIT</h2> <p style="margin: 10px 0 0 0;">Semakan Audit ke atas SMKA (P) Al-Mashoor terhadap 16 sampel baucar bayaran mendapati 4 baucar bayaran yang bernilai RM279,069.84 telah dibayar tanpa disertakan Sijil Pengujian dan Pentauliahan (SPP).</p> <h3 style="text-align: center; color: green; margin: 10px 0 0 0;">MAKLUM BALAS KPM</h3> <p style="margin: 10px 0 0 0;">Pengujian dan pentauliahan telah dibuat dan Sijil Pengujian dan Pentauliahan (SPP) bagi 4 baucar berkenaan telah dikeluarkan. Bagi peralatan muzik bukan elektrik dan elektronik, SPP tidak diperlukan.</p> <p style="text-align: right; font-size: 0.8em; margin: 0;">29</p>
--	---

<h1 style="color: red; font-size: 2em; margin: 0;">22</h1> <p style="margin: 10px 0 0 0;">20.5.5.1 (a) ISU PERALATAN TIDAK DIGUNAKAN</p> <hr style="width: 20%; margin: 10px auto;"/>	<h2 style="text-align: center; margin: 0;">PENEMUAN AUDIT</h2> <p style="margin: 10px 0 0 0;">19 unit peralatan bernilai RM134,980.00 di SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab dan SMKA Keningau masih belum digunakan antaranya adalah peralatan dapur memasak di dewan makan.</p> <h3 style="text-align: center; color: green; margin: 10px 0 0 0;">MAKLUM BALAS KPM</h3> <ul style="list-style-type: none"> SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab SMKA Keningau <p style="margin: 10px 0 0 0;">Pada masa ini, peralatan dapur memasak, periuk dan peralatan dapur telah digunakan oleh katerer.</p> <p style="margin: 10px 0 0 0;">Sebagai langkah penambahbaikan, KPM telah memasukkan syarat wajib penggunaan peralatan memasak yang disediakan oleh pihak sekolah kepada katerer dalam spesifikasi tender pembekal makanan bermasakan.</p> <p style="text-align: right; font-size: 0.8em; margin: 0;">30</p>
---	--

GAMBAR:
Peralatan Memasak Telah Digunakan Oleh Pihak Katerer



23

20.5.5.6
ISU
PEMANTAUAN

PENEMUAN AUDIT

Pemantauan terhadap kerja pembinaan yang dibuat oleh perunding adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat banyak kelemahan dalam pelaksanaan projek.

MAKLUM BALAS KPM

KPM telah mengetatkan pemantauan terhadap projek-projek pembinaan yang telah dibuat melalui beberapa mekanisme seperti berikut:

- Mesyuarat Tapak
- Mesyuarat Teknikal Perunding & Klien
- Mesyuarat Penyelarasan Projek
- Mesyuarat Pemantauan Projek Lewat Jadual
- Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian
- Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit
- Lawatan Turun Padang
- Penguatkuasaan klausa kontrak dan *Consultancy Service Agreement (CSA)*

Sebagai langkah punitif, pihak konsultan boleh diambil tindakan berdasarkan klausa-klausa dalam CSA.

32